BAB III

BAB III

PENGURUSAN KEBAJIKAN ANAK YATIM DI PEYATIM

Pendahuluan

Dalam bab kedua penulis telah menghuraikan tentang teori pengurusan anak yatim daripada pelbagai aspek yang telah ditetapkan di dalam al-Quran. Seterusnya dalam bab ketiga ini, penulis akan menyentuh secara terperinci mengenai objek kajian penulis iaitu : "Pengurusan Kebajikan Anak Yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PEYATIM) : Kajian Menurut Perspektif al-Quran." Kajian ini menyentuh tentang pengenalan terhadap PEYATIM, matlamat, pendekatan, perkembangan, struktur organisasi dan pengurusannya, aktiviti serta masalah yang dihadapi PEYATIM dalam menjalankan tugasnya.

Dalam membincangkan tentang pengurusan kebajikan anak yatim di PEYATIM, ia adalah merujuk kepada saranan dan tuntutan al- Quran yang mengajak umat Islam supaya berbuat ihsan dan memuliakan anak yatim. Pengurusan kebajikan anak yatim yang dijalankan oleh PEYATIM adalah khusus untuk anak yatim yang beragama Islam dan tinggal di asrama Ahli Gabungan PEYATIM serta sebilangan kecil anak yatim yang tinggal di luar asrama dan mendapat bantuan daripada asrama Ahli Gabungan PEYATIM.[229]

Pada awal penubuhannya, PEYATIM hanya mendapat perhatian daripada segelintir golongan ahli masyarakat yang ingin menjalankan kerja amal dan ianya

[229] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

dilakukan secara sukarela. Kebanyakan orang yang terlibat dengan PEYATIM pada awal penubuhannya, adalah dari kalangan golongan yang telah bersara. PEYATIM telah ditubuhkan di Terengganu dengan tujuan untuk memusatkan aktiviti pertubuhan-pertubuhan anak yatim yang terdapat di negeri-negeri dalam Malaysia. Kesedaran tentang perlunya berbuat ihsan dan menjaga kebajikan anak yatim mendorong kepada penggabungan yang lebih banyak daripada rumah-rumah kebajikan anak yatim yang terdapat di Malaysia.[230]

Berdasarkan keterangan di atas, dapat dinyatakan bahawa setakat kajian ini dijalankan, terdapat 38 buah Asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam (selepas ini PKAYI sahaja) yang telah menjadi Ahli Gabungan PEYATIM di seluruh negara dengan bilangan penghuni dianggarkan mencecah 4,000 orang termasuk sebilangan kecil anak fakir miskin dan terbiar.[231]

Hasil daripada kajian dan pengamatan penulis didapati bahawa bilangan institusi-institusi kebajikan anak yatim yang terdapat di negeri-negeri dalam Malaysia dan menjadi Ahli Gabungan PEYATIM adalah tidak seragam. Contohnya negeri Johor mempunyai sembilan buah PKAYI manakala negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan masing-masing hanya mempunyai sebuah

---

[230] Wawancara dengan Tuan Haji Ahmad b. Sulaiman,Setiausaha Agung PEYATIM merangkap Pengerusi Eksekutif PHSB, di Pejabat PEYATIM, Taman Nirwana, Ampang, pada 3 April 2002. Beliau merupakan seorang bekas Pegawai RISDA,berusia 62 tahun, terpaksa berulang alik setiap hari daripada Seremban ke Ampang untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai Setiausaha Agung PEYATIM. Lihat : Utusan Malaysia, 9 September 2002 (Selepas ini wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman, , pada 3 April 2002)

[231] Utusan Malaysia, Isnin 9 September 2002

PKAYI. Kesemua PKAYI ini adalah bertanggungjawab secara langsung untuk mengurus dan mentadbirkan asrama anak yatim di negeri masing-masing.[232]

Namun begitu kenyataan ini tidak menafikan peranan dan tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim lain yang tidak menjadi Ahli Gabungan PEYATIM. Rumah Kebajikan Anak Yatim di Sekendi telah ditadbirkan secara persendirian dan kemampuannya dalam menjaga kebajikan anak yatim tidak dapat dinafikan.

Kuantiti PKAYI (Ahli Gabungan PEYATIM) yang wujud di setiap negeri juga mempengaruhi sumbangannya melalui program dan aktiviti yang dianjurkan dari semasa ke semasa.[233]

Selain daripada menonjol dan popular di Malaysia, PEYATIM juga aktif menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan secara meluas dan menyeluruh kepada anak yatim yang tinggal di asrama Ahli Gabungannya, PEYATIM juga memberi khidmatnya kepada anak yatim yang tinggal di asrama yang terdapat di sekolah-sekolah yang terdapat di Malaysia dan juga sebilangan kecil anak yatim yang tinggal di luar asrama Ahli Gabungan tetapi mendapat bantuan daripada asrama Ahli Gabungan.[234]

PEYATIM adalah sebuah pertubuhan yang diasaskan untuk menjaga kebajikan anak-anak yatim. Hal ini adalah selaras dengan anjuran al-Quran yang

---

[232] Risalah PEYATIM (t.t), Ampang : PEYATIM, h. 6

[233] lampiran A

[234] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman, pada 3 April 2002

menyuruh umat Islam berbuat ihsan terhadap anak-anak yatim. Firman Allah s.w.t:

فَأَمَّا ٱلْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ۝٩

Maksudnya : Adapun terhadap anak-anak yatim maka janganlah kamu berlaku sewenang-wenang.

Surah al-Ḍuḥā (93) : 9

Ayat ini diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w yang melarang baginda daripada mengherdik, menghina dan melakukan sesuatu yang boleh menyentuh perasaan anak-anak. Ini kerana Islam amat menjaga hak-hak hambanya yang lemah dan tidak memiliki apa-apa kekuatan.[235]

Al-Qurṭubī pula menyatakan bahawa janganlah seseorang itu menzalimi anak yatim dan hendaklah mengembalikan hartanya. Ayat di atas mengandungi larangan daripada memaksanya dengan cara menzalimi dan mengambil hartanya. Ayat ini juga menunjukkan supaya seseorang itu bersikap lemah lembut terhadap anak yatim. Qatādah berkata : "Jadilah kamu terhadap anak yatim itu sebagai seorang bapa yang pengasih."[236]

Daripada kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa al-Quran amat mengambil berat tentang kebajikan anak yatim dan menggalakkan setiap umat Islam agar mendidiknya, menjaga diri dan hartanya serta memberi nafkah

---

[235] Sayyid Quṭb (1990), *op. cit.*, j. 6, h.3927-3928

[236] al-Qurṭubī (1987), *op. cit.*, j. 20, h. 100

kepadanya sekiranya dia tidak memiliki harta. Begitu juga hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang menerangkan tentang betapa pentingnya mengambil berat dan menjaga kebajikan anak yatim dan baginda s.a.w. juga menggalakkan semua umat Islam supaya bersikap lemah lembut dan mengambil berat urusan kebajikan anak yatim.

3.1 Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM)

Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia atau nama ringkasnya PEYATIM telah ditubuhkan pada 10 September 1989. PEYATIM merupakan sebuah badan amal sukarela yang memberi khidmat kebajikan kepada anak yatim yang tinggal di asrama-asrama Ahli Gabungan PEYATIM. Setakat ini sebanyak 38 buah PKAYI yang telah menjadi Ahli Gabungannya di seluruh negara.[237]

3.1.1 Latar Belakang Penubuhan PEYATIM

PEYATIM ditubuhkan hasil daripada inisiatif 17 buah PKAYI yang tertua di Malaysia untuk menyatukan pengurusan anak yatim di peringkat kebangsaan. PEYATIM telah didaftarkan di Terengganu kerana Presidennya iaitu Dato' Dr. Tengku Mansur b. Tengku Mahmud berasal dari Terengganu. Apabila beliau berpindah ke Kerajaan Persekutuan dengan memegang jawatan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, PEYATIM menumpang dan beroperasi dari pejabatnya. Ketika itu, Tuan Haji Ahmad b. Sulaiman merupakan Pengerusi Biro Penerangan yang bertanggungjawab untuk menerbitkan Suara PEYATIM. Beliau dilantik

[237] Risalah PEYATIM, *op.cit*, h. 1

menjadi Setiausaha Agung PEYATIM apabila jawatan tersebut telah dikosongkan oleh Setiausahanya kerana telah menjadi calon dan memenangi Pilihanraya 1995.[238]

Sejak awal tahun 1996, PEYATIM menjalankan operasinya di Wisma PEYATIM iaitu sebuah bangunan tiga tingkat yang dimiliki sepenuhnya oleh PEYATIM. Wisma PEYATIM ini telah disumbangkan oleh Pesama Timber Terengganu, Sdn. Bhd. Ia telah mula beroperasi pada awal tahun 1996. Pengurusannya dijalankan oleh PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB). Wisma PEYATIM beralamat No. 37, Jalan Nirwana 39, Taman Nirwana, 68000 Ampang terletak kira-kira 10km daripada bandaraya Kuala Lumpur. [239]

Wisma PEYATIM, selain dari dijadikan Ibu Pejabat PEYATIM di tingkat satu, ianya juga dijadikan tempat penginapan sederhana murah di tingkat dua dan tiga. Wisma PEYATIM boleh menampung seramai 50 orang penyewa dengan menyediakan katil dua tingkat dilengkapi selimut dan tuala. Sewa yang dikenakan ialah RM10.00 seorang semalam. Selain dari bilik biasa, wisma itu juga ada menyediakan dua bilik hawa dingin yang dilengkapi dengan set katil kelamin. Sewa yang dikenakan bagi bilik hawa dingin ini ialah RM50.00 semalam. Penginapan di sini amat sesuai untuk rombongan, keluarga dan orang perseorangan.[240]

---

[238] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[239] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, Ampang : PEYATIM, h. 15 (Lampiran B)

[240] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002 (Lampiran C)

Dengan adanya Wisma PEYATIM yang dijadikan tempat penginapan bertaraf sederhana ini, secara tidak langsung para penyewa telah menderma kepada anak yatim. Ini kerana kutipan daripada hasil penginapan akan terus didermakan kepada PKAYI seluruh Malaysia yang menjadi Ahli Gabungan PEYATIM.

Wisma PEYATIM juga terletak kira-kira 6km sahaja ke Zoo Negara, terdapat juga Jabatan-jabatan atau Badan-badan Berkanun Kerajaan seperti Pejabat Risda (1.5km), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (0.5km), MARDEC (1.5km) dan RRIM (4km). Di samping it terdapat juga pusat membeli belah seperti Ampang Point, Kerrys dan lain-lain lagi.[241]

Kemudahan yang terdapat di Wisma PEYATIM termasuklah menerima tempahan makan minum daripada mana-mana rombongan sama ada makan pagi, tengahari dan malam, menyediakan tempat letak kereta dan bas dengan mudah tanpa bayaran, menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk ke destinasi-destinasi di sekitar Kuala Lumpur dengan tambang van yang berpatutan dan juga menyediakan kemudahan asas seperti televisyen, peti sejuk dan sterika.[242]

Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa Wisma PEYATIM telah menjadi tempat operasi PEYATIM dan juga sumber pendapatannya apabila pihak PEYATIM menawarkan asrama penginapan bagi mereka yang melawat dan ingin menginap di Kuala Lumpur. Apa yang lebih penting ialah PEYATIM perlu

---

[241] *Ibid*

[242] Suara PEYATIM (2002)., Edisi Khas, h. 15

menghebahkan kepada umum tentang kewujudan asrama penginapan ini agar lebih ramai orang yang akan menyewanya dan secara tidak langsung telah menyalurkan derma kepada anak yatim di Malaysia.

3.1.2 Matlamat Penubuhan PEYATIM

Di dalam perlembagaan PEYATIM, telah dijelaskan matlamat penubuhan PEYATIM secara terperinci iaitu :[243]

i) Sebagai badan induk yang menggabungkan pertubuhan dan asrama kebajikan anak-anak yatim yang berdaftar di Malaysia bagi mempertingkatkan kegiatan masing-masing.

ii) Mewakili ahli-ahli dalam hal kebajikan anak-anak yatim.

iii) Memberi bantuan khidmat nasihat dan kemudahan-kemudahan serta pertolongan dari semasa ke semasa kepada ahli-ahli.

iv) Memberi khidmat nasihat dan pendidikan kepada ahli-ahli dalam hal pengurusan pentadbiran.

v) Mengawas dan menjaga kepentingan ahli-ahli khasnya dan PEYATIM amnya.

vi) Mewujudkan pusat pendidikan dan rujukan mengenai segala perkara yang berkaitan dengan pendidikan anak-anak-anak yatim dan mengemukakan segala fikiran dan pendapat PEYATIM kepada mana-mana pihak yang berkenaan.[244]

---

[243] Perlembagaan PEYATIM (1998), Ampang : PEYATIM, h. 1

[244] *Ibid*

Berdasarkan kepada keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa matlamat utama penubuhan PEYATIM adalah untuk menjadi badan induk yang menggabungkan pertubuhan dan asrama anak yatim serta untuk menjaga kebajikan mereka dari aspek pendidikan, tempat tinggal dan kemudahan asas yang baik. PEYATIM juga memberikan penekanan kepada bidang pendidikan agar anak yatim akan membesar sebagai insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

3.1.3 Tugas-tugas PEYATIM

Sebagai sebuah pertubuhan yang matlamat utamanya untuk menjadi badan induk yang menggabungkan pertubuhan dan asrama kebajikan anak yatim Islam yang berdaftar di Malaysia, PEYATIM dikehendaki mengendalikan tugas-tugasnya meliputi kegiatan-kegiatan berikut :

i) Merancang, melaksana dan/atau menjalankan semua perbuatan dan/atau perkara yang difikirkan oleh PEYATIM mustahak untuk menjalankan atau melaksanakan tugas atau kewajipannya.

ii) PEYATIM boleh menjalankan aktiviti-aktiviti pelaburan. Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh PEYATIM hasil dari penyertaannya dalam mana-mana pelaburan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan tujuan-tujuan PEYATIM, dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada ahli PEYATIM. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang

sebarang pembayaran yang dibuat atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau kakitangan PEYATIM.

iii) PEYATIM boleh membuat pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan yang berdaftar dan juga boleh membuat sewaan, cagaran, pajakan, gadaian dan jual beli untuk kepentingan PEYATIM.

iv) PEYATIM boleh memiliki harta alih dan harta tak alih bagi kegunaan dan kepentingan PEYATIM.

v) Menganjurkan kongres, konvensyen, seminar, lawatan sambil belajar, kursus, ceramah dan sebagainya.

vi) Memilih dan melantik wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati untuk menghadiri persidangan, seminar, kursus, lawatan sambil belajar dan sebagainya di dalam dan di luar negara.

vii) Menganjur dan mengadakan rancangan-rancangan pendidikan untuk PEYATIM dan anak-anak yatim di Malaysia.

viii) Membincang masalah-masalah bersama, mengemukakan pandangan-pandangan bersama dan membuat keputusan dasar mengenai Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim di Malaysia.

ix) PEYATIM boleh menerima derma dari sebarang sumber yang diluluskan oleh PEYATIM. PEYATIM boleh memungut derma setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak-pihak berkuasa berkenaan.[245]

Daripada kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa PEYATIM memikul tugas dan tanggungjwab yang besar dalam memastikan pengurusan

[245] *Ibid*, h. 2

kebajikan anak yatim dapat dijalankan dengan baik dan teratur. Ini dapat dilihat melalui banyaknya peranan yang telah dimainkan oleh badan tersebut.

3.1.4 Struktur Organisasi PEYATIM

Seperti pertubuhan kebajikan yang lain, PEYATIM mempunyai struktur organisasinya sendiri. PEYATIM ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa yang dilantik oleh ahli-ahlinya di dalam Mesyuarat Agung Dwi tahunannya. Ahli Jawatankuasa Pusat bagi penggal 2001-2003 adalah seperti berikut:

Presiden : YM. Dato' Dr. Tengku Mahmud b. Mansor

Timbalan Presiden : Tuan Haji Sulaiman b. Hassan

Naib Presiden Zon Tengah Selatan : Ybhg Dato' Hj. Mohd. Salleh Tahir

Naib Presiden Zon Utara : Ybhg Dato' Hj. Mohd. Yussof b. Latiff

Naib Presiden Zon Timur : Tn. Hj. Yusof b. Musa

Naib Presiden Zon Malaysia Timur : Tuan Hj. Yusuf b. Hj. Abd. Rahman

Setiausaha Agung : Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman

Bendahari Agung : Tuan Haji Lamang bin Donggoh

Ahli Jawatankuasa : 41 orang [246]

3.1.5 Biro- biro PEYATIM

Bagi melicinkan pentadbiran PEYATIM, pihak pentadbiran telah menubuhkan beberapa biro untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti PEYATIM. Biro-

[246] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2002), Ampang : PEYATIM, h. 5, (Lihat Lampiran D)

biro tersebut adalah Biro Kewangan dan Pelaburan, Biro Asrama dan Kebajikan, Biro Penerangan dan Biro Sukan.[247]

Setiap biro ini mempunyai tugas dan fungsi masing-masing dalam menjalankan aktiviti-aktiviti PEYATIM. Seterusnya, penulis akan memperincikan tugas-tugas biro yang telah dinyatakan di atas.

a. Biro Kewangan dan Pelaburan

Biro Kewangan dan Pelaburan PEYATIM ditubuhkan bagi mengenalpasti punca serta meningkatkan sumber kewangan PEYATIM. [248]

Objektif Biro Kewangan dan Pelaburan PEYATIM ialah : [249]

i) Menambah kewangan PEYATIM

ii) Menggiatkan kutipan derma untuk menampung sebahagian dari kos pembangunan kampus tetap Kolej Teknologi Bestari di Setiu, Terengganu

iii) Matlamat kutipan derma ditumpukan melalui:

a) Jawatankuasa Kutipan Derma Peringkat Negeri

b) Sumbangan/derma secara potongan bulanan kakitangan kerajaan/badan-badan berkanun melalui khidmat "ANGKASA".

---

[247] Risalah PEYATIM, h. 4

[248] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2000), Ampang : PEYATIM, h. 31

[249] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2002), *op. cit.*, h. 22

c) Kerajaan Pusat dan negeri telah memberi jaminan bantuan kewangan.

d) Peningkatan perlantikan "Sahabat PEYATIM".

Biro ini juga berperanan untuk mencari sumber kewangan bagi mencapai matlamat PEYATIM untuk menubuhkan Kolej Teknologi Bestari PEYATIM (KTB). Untuk tujuan tersebut beberapa siri pertemuan dengan Kerajaan Negeri telah diadakan.

Setakat ini tiga buah Kerajaan Negeri telahpun menyumbang untuk Tabung Pembangunan KTB iaitu Kerajaan Negeri Selangor telah menyumbang sebanyak RM200,000,00, Kerajaan Negeri Johor pula menyumbang sebanyak RM300,000,00 dan Kerajaan Negeri Perak telah menyumbang sebanyak RM100,000,00. Selain sumbangan daripada Kerajaan Negeri, jualan kupon juga menambah dana Tabung Pendidikan PEYATIM sebanyak RM19,811 .65 dan sumbangan individu pula berjumlah RM 12,110.00. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang terkumpul ialah sebanyak RM 631,921.65. Selain Kerajaan Negeri, PEYATIM juga telah menerima sumbangan daripada sumbangan badan-badan korporat dan orang-orang perseorangan. Mulai bulan Disember 1998, pihak PEYATIM telah melancarkan skim potongan gaji bulanan melalui khidmat ANGKASA.[250]

Sehingga tahun 2000 seramai 1385 orang kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun telah memberi persetujuan menyumbang derma melalui potongan

[250] ANGKASA ialah akronim bagi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

gaji selama satu tahun. Seramai 326 orang kakitangan kerajaan/badan swasta pula bersetuju menyumbang terus kepada PEYATIM tanpa melalui khidmat ANGKASA. Jumlah sumbangan terus kepada PEYATIM tanpa melalui khidmat ANGKASA yang terkumpul setakat 30 Jun 2000 ialah sebanyak RM 97,288.45 manakala jumlah sumbangan yang terkumpul melalui khidmat ANGKASA ialah sebanyak RM 66,848.45.[251]

Pada tahun 2001, PEYATIM telah menerima sumbangan RM2 juta daripada Unit Perlaksanaan dan Penyelarasan, Jabatan Perdana Menteri. Sumbangan ini adalah untuk membantu PEYATIM melaksanakan program kebajikan anak yatim. Sebahagian besar peruntukan ini telah digunakan untuk membekalkan komputer dan buku-buku perpustakaan asrama Ahli Gabungan PEYATIM. Untuk tahun 2002, pihak pengurusan telah memohon RM3 juta bagi meneruskan kegiatan kebajikan PEYATIM.[252]

b. Biro Sukan

Biro Sukan PEYATIM telah ditubuhkan untuk mencapai dasar-dasar dan tujuan-tujuan berikut:

i) Untuk merancang, mengelola dan menjalankan aktiviti-aktiviti kesukanan bagi asrama-asrama anak yatim yang bergabung dengan PEYATIM khasnya.

---

[251] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2000), *op. cit.*, h. 31-32

[252] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2002), *op. cit.*, h. 12

ii) Menggalak dan memupuk semangat kesukanan di kalangan anak-anak yatim dengan tujuan bagi menarik minat mereka untuk bersukan.

iii) Menganjur acara-acara sukan di peringkat asrama-asrama, negeri-negeri dan kebangsaan untuk anak-anak yatim.

iv) Membimbing dan melatih anak-anak yatim untuk di ketengahkan mereka bagi mengambil bahagian dalam sukan di peringkat yang lebih tinggi.

v) Amnya bagi menggalakkan anak-anak yatim untuk berinteraksi sesama anak-anak yatim yang tinggal di asrama anak-anak yatim di seluruh Malaysia. Dengan itu, mereka dapat bergaul dan bermesra serta mengikatkan tali silaturahim dan semangat muhibah menerusi acara sukan.[253]

Bagi mencapai tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas Biro Sukan PEYATIM telah menyusun beberapa aktiviti. Antaranya ialah Temasya Sukan di mana pada tahun 2000, Temasya Sukan PEYATIM (SUKYA) telah diadakan di Pulau Pinang. Pada tahun 2002 negeri Johor telah dipilih untuk menjadi Tuan Rumah SUKYA 2002. Selain itu, PEYATIM juga telah merancang untuk mengadakan Larian PEYATIM 2000 yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang perlunya menghulurkan bantuan kepada PEYATIM. Ini bertujuan bagi menambahkan tabung kewangan anak yatim demi

[253] *Ibid*, h. 23

menjaga kebajikan mereka.[254] Namun begitu, temasya sukan ini telah ditangguhkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.[255]

Biro Sukan PEYATIM juga menyarankan supaya aktiviti permainan dalaman (indoor games) dapat diadakan di asrama-asrama anak yatim dan jika boleh permainan persahabatan diaturkan antara asrama di daerah-daerah dan negeri-negeri yang berdekatan. Pihak PEYATIM juga diminta untuk menyumbangkan peralatan sukan seperti meja ping pong, reket badminton, bola sepak dan lain-lain peralatan sukan. Jawatankuasa PEYATIM juga telah memutuskan supaya para peserta SUKYA hendaklah mewakili negeri dan bukannya dari asrama-asrama dan dalam hal ini, Jawatankuasa Penyelarasan Negeri hendaklah ditubuhkan bagi negeri-negeri yang mempunyai lebih daripada satu Asrama Anak Yatim.[256]

c. Biro Penerangan

Bagi menyalurkan maklumat PEYATIM kepada masyarakat Biro Penerangan PEYATIM telah menerbitkan Suara PEYATIM untuk tahun 1999, 2000, 2001 dan 2002.

Kegiatan biro ini untuk menerbitkan Suara PEYATIM, diakui agak perlahan perjalanannya berikutan perletakan jawatan Eksekutif Perhubungan Awam pada awal April 2002, pemberhentian operasi pencetak lama dan

---

[254] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2000), *op. cit.*, h. 35

[255] Wawancara dengan Tuan Haji Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[256] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2002), *op. cit.*, h. 23

pertukaran syarikat pencetak serta tertangguhnya pemilihan "Publishing House" untuk menjalankan tugas-tugas pemberitaan dan penyediaan Suara PEYATIM.[257]

Biro Penerangan ini juga bertanggungjawab penuh untuk menerbitkan Suara PEYATIM yang menjadi lidah rasmi PEYATIM untuk menghebahkan segala aktiviti yang telah dan akan dijalankan oleh PEYATIM serta Ahli Gabungannya. Selain itu Suara PEYATIM juga menjadi medium untuk menghubungkan PEYATIM dengan masyarakat luar yang belum terdedah dengan aktiviti PEYATIM.

Dalam pada itu, biro ini juga turut mencungkil bakat kanak-kanak dalam Pertandingan Mengarang. Pertandingan ini adalah dikhususkan untuk para penghuni asrama iaitu bagi dua kategori sekolah menengah dan sekolah rendah. Hadiah kepada pemenang telah disampaikan semasa majlis Jamuan Hari Raya sempena Mesyuarat PEYATIM pada 23 Januari 2000. Semua hadiah telah disampaikan oleh Y.M. Dato' Dr.Tengku Mahmud b. Tengku Mansor, Presiden PEYATIM.

Walaupun sibuk dengan kerja-kerja penerbitan, biro ini turut meluangkan masa untuk turut serta dalam lawatan ke asrama Ahli Gabungan di mana biro ini telah mengadakan lawatan berperingkat kesemua asrama Ahli Gabungan. Antara asrama yang telah dilawati secara bersama dengan Presiden dan Setiausaha Agung

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

---

[257] *Ibid.*, h. 24

ialah Asrama PEYAKIN, Klang, Selangor, Asrama Anak Yatim Mentakab, Pahang dan Asrama PKAYI Mersing, Johor.[258]

Secara keseluruhannya, biro ini juga bertanggungjawab untuk membuat liputan semasa SUKYA, Majlis Tilawah al-Quran dan semua aktiviti yang berkaitan dengan PEYATIM.

d. Biro Asrama dan Kebajikan

Biro ini telah ditubuhkan untuk tujuan berikut : [259]

i) Meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup anak-anak di asrama.

ii) Membimbing dan membentuk sahsiah dan peribadi anak-anak.

iii) Membimbing anak-anak dalam menentukan matlamat hidup dan kerjaya.

iv) Meningkatkan kualiti pemakanan yang seimbang untuk mencapai pemikiran yang cergas.

v) Menentukan nilai-nilai murni berlandaskan syariat Islam.

vi) Memupuk kemahiran sosial bagi mewujudkan semangat muafakat dan muhibbah.

vii) Menanamkan kefahaman dan kesedaran terhadap pentingnya pencapaian akademik yang cemerlang.

viii) Memupuk kesedaran cinta diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

ix) Menggalakkan kegiatan riadah untuk kecergasan diri yang seimbang.

---

[258] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2000), *op. cit.*, h. 36

[259] *Ibid*, h. 37

x) Meningkatkan sistem pentadbiran dan pengurusan asrama.[260]

Biro Asrama dan Kebajikan PEYATIM telah menganjurkan kursus-kursus untuk AJK Pusat dan Ahli Gabungan, kakitangan dan pembantu asrama dan anak-anak yang tinggal di Asrama Ahli Gabungan.

Antara kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh PEYATIM ialah [261] Kursus Pengajian Qiraati Modul Bersepadu yang telah diadakan pada 13-15 Februari 1999, Kursus Peningkatan Islam untuk pengasuh-pengasuh dan ahli-ahli jawatankuasa Ahli gabungan telah diadakan pada 25-27 Mei 1999 di Pusat Latihan YADIM, Jalan Ledang, Kuala Lumpur, Kursus Peningkatan Pengurusan dan Pemahaman Islam telah diadakan pada 25-28 November 1999.[262]

Selain itu, biro ini juga mengadakan beberapa aktiviti lain pada tahun 2001 iaitu mengadakan mesyuarat untuk mesyuarat khas mengkaji program Pembangunan Diri PEYATIM iaitu kursus bagi anak yatim dan juga pihak pengurusan dan juga menyelaras program Forum Perdana bersama JAKIM dan AJK Khas Forum Perdana., menyemak teks khutbah khas kelebihan memuliakan anak yatim yang telah diluluskan oleh JAKIM untuk dibacakan di semua masjid dalam bulan Muharam.[263]

---

[260] *Ibid*

[261] *Ibid*, h. 37

[262] *Ibid*

[263] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2002), *op. cit.*, h. 25

AJK biro ini juga telah mengaturkan penyerahan 52 unit komputer kepada sembilan buah Ahli Gabungan PEYATIM negeri Johor di Rumah Barkat, 42 unit komputer kepada Ahli Gabungan zon tengah di Wisma PEYATIM, 42 unit komputer kepada sebelas Ahli Gabungan PEYATIM dan 33 unit komputer kepada lima Ahli Gabungan zon timur. [264]

Untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan kebajikan anak yatim, biro ini telah menganjurkan Kursus Pengurusan Alaf Baru di Kem Nur Lembah Pangsun dan dihadiri oleh 48 peserta dari 16 Ahli Gabungan. Ia juga bertanggungjawab untuk memantau kurusus-kursus motivasi bagi zon-zon yang telah ditetapkan agar anak yatim dapat meningkatkan prestasi pencapaian UPSR/ PMR/SPM.[265]

Sebagai kesimpulannya, Biro-biro PEYATIM yang telah ditubuhkan ini dapat membantu PEYATIM menguruskan kebajikan anak yatim dengan lebih lancar dan berkesan lagi.. Perincian tugas yang telah dibuat akan memudahkan lagi pihak pengurusan PEYATIM dalam menjaga kebajikan anak yatim.

---

[264] *Ibid*

[265] *Ibid*

3.1.6 Keahlian PEYATIM

Keahlian PEYATIM terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat.

a. Ahli Biasa

Keahlian PEYATIM jenis ini adalah terdiri daripada Pertubuhan-pertubuhan atau Badan-badan Berdaftar yang memberi khidmat kebajikan kepada anak yatim Islam di Malaysia. Ahli-ahli hendaklah :

i. Sanggup menerima dan melaksanakan tujuan PEYATIM

ii. Menyempurnakan bayaran-bayaran yang ditentukan oleh PEYATIM dari semasa ke semasa

iii. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah mengemukakan permohonannya dengan bersurat/borang yang ditandatangani oleh Yang DiPertua/Pengerusi dan Setiausahanya dan dimajukan kepada Setiausaha Agung.[266]

b. Ahli Bersekutu

Kelayakan menjadi Ahli Bersekutu PEYATIM adalah seperti berikut :

i) Warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas

ii) Sanggup menerima dan melaksanakan dasar-dasar PEYATIM.

iii) Mematuhi Perlembagaan PEYATIM.

---

[266] Perlembagaan PEYATIM, *op.cit*, h. 2

Ahli-ahli Bersekutu juga dikenali dengan nama Sahabat PEYATIM dan memainkan peranan untuk mencapai tujuan-tujuan PEYATIM sebagai badan amal dengan mengadakan berbagai program yang boleh menambah keahlian serta kewangan PEYATIM.[267]

Syarat-syarat untuk menjadi Sahabat PEYATIM adalah seperti berikut :

i) Setiap individu yang berminat untuk menyertai Sahabat PEYATIM dikehendaki mengisi borang keahlian.

ii) Sahabat PEYATIM dikenakan bayaran masuk sebanyak RM 10.00 dan yuran tahunan sebanyak RM 10.00.

iii) Yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari Agung PEYATIM sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tempoh Kad Pengenalan Diri tamat.

iv) Keahlian Sahabat PEYATIM akan lucut dengan sendirinya sekiranya Sahabat PEYATIM gagal membayar yuran tahunannya. Penerimaan semula kepada mereka yang telah lucut keahliannya akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pusat PEYATIM dan keputusannya adalah muktamad.[268]

---

[267] *Ibid*, h. 3

[268] Risalah Sahabat PEYATIM (t.t), Ampang : PEYATIM, (t.h), (Lampiran E)

Sehingga bulan Jun 2000 seramai 528 orang telah mendaftar menjadi Sahabat PEYATIM.[269]

Dalam pada itu, pihak pengurusan PEYATIM masih meneruskan usaha untuk menambah bilangan Sahabat PEYATIM melalui sesi penerangan, Majalah Suara Peyatim dan sebaran am yang lain. Ini bagi menggalakkan penyertaan mereka yang berminat untuk membuat kerja-kerja amal dan sukarela. [270]

Jelasnya, PEYATIM melalui Sahabat PEYATIM bermatlamatkan untuk menjana kegiatan dan mencari sumber yang dapat menambah ekonomi PEYATIM dalam rangka untuk menggerakkan kegiatannya demi menjaga kebajikan anak yatim.

Selain itu PEYATIM juga menggariskan tugas dan tanggungjawab Sahabat PEYATIM iaitu Sahabat PEYATIM hendaklah sentiasa melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan anjuran PEYATIM dan Ahli Gabungannya, Sahabat PEYATIM juga adalah sebagi agen membantu PEYATIM dalam usaha menambahkan sumber kewangan PEYATIM, Sahabat PEYATIM boleh menganggotai Jawatankuasa Biro-biro yang ditubuhkan oleh PEYATIM dan Ahli-ahli Gabungannya dan juga melaksanakan lain-lain tugas untuk menaikkan imej PEYATIM selagi ianya tidak bercanggah dengan Perlembagaan PEYATIM.[271]

---

[269] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2000), *op.cit*, h. 33

[270] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[271] Risalah Sahabat PEYATIM, *op. cit.*, t.h

Daripada keterangan di atas dapat dirumuskan bahawa PEYATIM berhasrat untuk meluaskan lagi keahlian Sahabat PEYATIM kepada masyarakat umum dalam usaha untuk menjalankan kerja-kerja amal demi menjaga kebajikan anak yatim.

c. Ahli Kehormat

Kelayakan untuk menjadi Ahli Kehormat PEYATIM adalah seperti berikut :

i) Orang perseorangan berumur 21 tahun ke atas yang berbakti kepada PEYATIM atau Badan-badan Korporat yang berdaftar di Malaysia.

ii) Sanggup menerima dan melaksanakan dasar-dasar PEYATIM.

iii) Mematuhi perlembagaan PEYATIM.[272]

Daripada kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa PEYATIM telah bertindak menjadi badan induk yang berfungsi untuk menggabungkan Pertubuhan-pertubuhan dan Asrama-asrama Kebajikan Anak-anak Yatim yang berdaftar di Malaysia bagi mempertingkatkan kegiatan masing-masing. Untuk mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bersistematik, PEYATIM telah menubuhkan biro-bironya sendiri dan menetapkan perincian tugas bagi setiap biro tersebut. Ini bagi melicinkan lagi sistem pengurusan kebajikan anak yatim di PEYATIM.

---

[272] Perlembagaan PEYATIM, *op.cit*, h. 3

3.2 Kajian Terhadap Ahli Gabungan PEYATIM : Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam (PKAYI), Daerah Sabak Bernam.

Setelah penulis menghuraikan mengenai PEYATIM, penulis akan menghuraikan mengenai salah sebuah Ahli Gabungannya iaitu Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Sabak Bernam mencakupi latar belakang penubuhannya, struktur organisasi, aktiviti-aktiviti dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan dalam menjaga kebajikan anak yatim. Sampel yang diambil ini adalah untuk menyatakan bahawa secara umumnya kesemua Ahli Gabungan PEYATIM mempunyai persamaan dari sudut pentadbiran, aktiviti, masalah dan perkara lain yang berkaitan dengan tanggungjawab untuk menjaga kebajikan anak yatim

3.2.1 Latar Belakang Penubuhan

Nama penuh pertubuhan ini ialah Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Sabak Bernam, Selangor. (selepas ini PKAYI sahaja). Ianya ditubuhkan pada 23 Mei 1985. Pada asalnya tempat operasi PKAYI adalah di sebuah rumah kerajaan iaitu sebuah Rumah Penghulu yang diperbuat daripada kayu untuk dijadikan rumah anak yatim. Ketika itu bilangan penghuninya ialah seramai enam orang sahaja yang terdiri daripada anak-anak yatim daripada kawasan yang berhampiran .[273]

[273] Wawancara dengan Tuan Haji Misban b. Katiran, Warden Asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Sabak Bernam (selepas ini PKAYI) di Pejabat PKAYI pada 15 Oktober 2001 (selepas ini wawancara dengan Tuan Haji Misban b. Katiran pada 15 Oktober 2001)

Anak-anak yatim seramai enam orang itu telah dijaga oleh seorang pengasuh yang juga tukang masak dan ibu kepada salah seorang anak-anak itu.[274]

Sehingga tahun 2002 jumlah penghuninya ialah seramai 40 orang iaitu 20 orang lelaki dan 20 orang perempuan.[275]

3.2.2 Struktur Fizikal

Kedudukan PKAYI Daerah Sabak Bernam adalah berhampiran dengan jalanraya memudahkan para pengunjung menziarahi anak yatim di sini. Di sebelah timurnya terdapat Pejabat Agama Daerah Sabak Bernam, Kediaman Jurutera Daerah, manakala di sebelah baratnya pula terdapat Sekolah Kebangsaan Sri Makmur dan Masjid Jamek Sungai Besar, di sebelah utaranya pula terdapat sawah padi yang terbentang luas dan di selatannya pula adalah Medan Sungai Besar di mana terdapat banyak kedai di situ. Kedudukan asrama tersebut juga tidak jauh letaknya daripada Pejabat Daerah, Pejabat Pos, klinik swasta, dan beberapa agensi kerajaan yang lain.

Secara ringkasnya dapat dikatakan asrama ini terletak dalam kawasan yang strategik dan lengkap dengan kemudahan infrastruktur. Ia juga di kelilingi dengan suasana persekitaran sawah padi yang tenang dan nyaman.

---

[274] Nama dan identiti ibu tunggal tersebut tidak diketahui kerana tidak terdapat sebarang maklumat yang boleh dijadikan bukti. Pihak pengurusan hanya mengetahui bahawa penjaga yang bertugas di PKAYI adalah seorang ibu tunggal.

[275] Lihat Lampiran F

Apabila sampai di asrama PKAYI Daerah Sabak Bernam akan tertera satu papan tanda yang bertulis Asrama Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Malaysia Daerah Sabak Bernam. Kawasan sekitarnya dipagari dawai. Pada tahun 1998, atas sumbangan orang ramai sebuah kantin telah siap dibina manakala pada tahun 2000 sebuah surau baru telah siap dibina. Untuk tujuan tersebut pihak Majlis Agama Islam Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM 50,000.00 dan baki bagi menanggung kos pembinaan surau tersebut adalah daripada sumbangan orang ramai berjumlah RM 20,000.00.[276]

Pada umumnya asrama itu kini terdiri daripada blok A iaitu asrama dua tingkat. Tingkat bawah ialah untuk pejabat, mini perpustakaan dan bilik untuk penghuni lelaki (putera). Tingkat atas pula ialah untuk bilik penghuni perempuan (puteri) dan Musalla. Blok B pula (bangunan satu tingkat) digunakan untuk dewan makan, tempat prep dan bilik warden (juga digunakan untuk Majlis Keramaian). Surau dua tingkat pula digunakan untuk menunaikan solat dan juga sebagai bilik komputer. [277]

3.2.3 Objektif PKAYI Daerah Sabak Bernam

Objektif penubuhan PKAYI Daerah Sabak Bernam ialah untuk :

i) Memberi perlindungan dengan mengumpul dan memelihara anak yatim Islam yang miskin.

ii) Mendidik dan memberi pelajaran yang cukup kepada anak yatim.

---

[276] Wawancara dengan Tuan Haji Misban b. Katiran pada 15 Oktober 2001

[277] Wawancara dengan Puan Rosnah bt. Razali, Kerani PKAYI Daerah Sabak Bernam di Pejabat PKAYI Daerah Sabak Bernam pada 15 Oktober 2001 (selepas ini wawancara dengan Puan Rosnah bt. Razali pada 15 Oktober 2001)

iii) Memberi bantuan material dan perkhidmatan untuk anak yatim.[278]

3.2.4 Struktur Organisasi PKAYI Daerah Sabak Bernam

PKAYI Daerah Sabak Bernam ditadbir oleh seorang Yang Dipertua, seorang Timbalan Yang DiPertua, seorang Naib Yang DiPertua, seorang Setiausaha, seorang Penolong Setiausaha, seorang Bendahari dan tujuh orang ahli Jawatankuasa. Struktur organisasinya adalah seperti berikut :

Yang DiPertua : Y.B. Dato' Hj. Baharin b. Hj. Mat Akhir DSSA, KMS, SMS (Datuk Orang Kaya Mahabijaya Sabak Bernam)

Timbalan Yang DiPertua : Tuan Hj. Suradi b. Hj. Sidam

Setiausaha : Encik Nazam Azhari b. Hj. Md. Yasin

Penolong Setiausaha : Ustaz Jaafar b. Rajuli

Bendahari : Tuan Hj. Ismail b. Hj. Md. Nor

Ahli Jawatankuasa :

Tuan Hj. Sihani b. Hj. Ali

Tuan Hj. Abdul Jalil b. Embut

Tuan Hj. Ariffin b. Paiman

Tuan Hj. Mohamad Yunus b. Abdul Hamid

Encik Jamaludin Hj. Ismail

Encik Zahrullail b. Abdul Manap

Puan Hjh. Zawiyah bt. Hj. Mohd. Janah

---

[278] Risalah PKAYI Daerah Sabak Bernam (t.t), (t.p)

Bahagian Pentadbiran Pejabat PKAYI

Penyelia	:	Mohd. Wazir b. Naad
Kerani	:	Puan Rosnah bt. Mohamed Razali
Warden	:	Tuan Hj. Misban b. Katiran

Bilangan pekerja yang berkhidmat di PKAYI Daerah Sabak Bernam ialah seramai tiga orang iaitu seorang penyelia (Encik Wazir b. Na'ad), seorang warden (Tuan Haji Misban bin Katiran) dan seorang kerani (Puan Rosnah bt. Razali).[279]

Semua ahli Jawatankuasa PKAYI Daerah Sabak Bernam adalah mereka yang berkhidmat secara sukarela dan mempunyai kerjaya masing-masing. Sebarang pertemuan yang hendak diadakan mesti dibuat temujanji terlebih dahulu.

Daripada kenyataan di atas dapatlah dirumuskan bahawa PKAYI Daerah Sabak Bernam mempunyai satu sistem organisasi yang tersusun. Ini membolehkan pihak persatuan menjalankan aktiviti dengan lebih cekap dan berkesan.

3.2.5 Sumber Kewangan PKAYI Daerah Sabak Bernam

Pihak PKAYI Daerah Sabak Bernam memerlukan kos yang tinggi (mencecah RM 10,000.00 sebulan) untuk menampung perbelanjaan pembiayaan para penghuninya. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memberikan

---

[279] *Ibid*

bantuan kewangan sebanyak RM 64,000.00 setahun bagi menampung kos makanan untuk para penghuninya (belanja untuk seorang ialah RM4.20 sehari). Selain itu pihak JKM juga memberikan bantuan kerosakan untuk sepanjang tahun.[280]

Dalam pada itu, pihak PKAYI Daerah Sabak Bernam juga memberikan duit saku untuk para penghuninya. Penghuni sekolah menengah mendapat sebanyak RM1.00 seorang manakala penghuni sekolah rendah mendapat RM1.50 sehari (belanja ini untuk sekolah pagi dan sekolah petang (KAFA).[281]

Selain mendapat bantuan tetap daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), PKAYI Daerah Sabak Bernam pernah menjadi Rumah Angkat kepada Sime Darby untuk tempoh tiga tahun berturut-turut daripada tahun 1998,1999 dan 2000.

Sepanjang tempoh itu juga beberapa aktiviti telah diadakan oleh Sime Darby antaranya ialah satu pemeriksaan kesihatan menyeluruh kepada semua penghuni dan kakitangan telah diadakan oleh Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) pada 21 Mac 1999. Kesemua khidmat ini diberikan secara percuma.

Pada 19 November 1999 satu gotong royong membersihkan dan mencantikkan kawasan asrama telah diadakan. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Tan Sri Nik Mohammed Yaacob Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby,

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

[280] Wawancara dengan Puan Rosnah bt. Razali pada 15 Oktober 2001

[281] *Ibid*

Datuk Othman Yusoff Pengarah Sumber Manusia dan Encik Roslan Abdul Razak Pengurus Latihan dan Pembangunan. Setelah selesai gotong royong diadakan juga aktiviti sukaneka bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara pihak Sime Darby dengan para penghuni dan majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah dan sumbangan derma untuk para penghuni PKAYI Daerah Sabak Bernam.[282]

Secara umumnya sumber kewangan PKAYI adalah daripada derma umum, hasil kelapa daripada seekar tanah yang telah diwakafkan oleh Tuan Hj. Latif di Sungai Tengar, satu unit rumah teres di Taman Seri Andalas, Klang yang telah dihadiahkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dengan kadar sewa RM 500.00 sebulan dan juga sumbangan daripada pihak individu dan juga korporat dalam bentuk cek ataupun tunai. Selepas menerima daripada pihak penderma, PKAYI akan memasukkannya ke dalam resit rasmi dan akan dihantar semula kepada pihak penderma sebagai bukti penerimaan.[283]

3.2.6 Syarat-syarat Kelayakan Untuk Menjadi Penghuni Asrama

Bagi menjamin pengurusan yang baik di PKAYI Sabak Bernam, pihak pengurusan telah menetapkan beberapa syarat dan kriteria tertentu bagi melayakkan seseorang itu menjadi penghuninya.

---

[282] *Ibid*

[283] Wawancara dengan Tuan Hj. Misban b. Katiran pada 31 Julai 2002

a) Syarat-syarat Keahlian :

i) Calon itu mestilah berumur antara 7-17 tahun

ii) Membawa bersama salinan sijil kelahiran, sijil kematian ibu/ayah

iii) Miskin dan keluarga tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan pendidikan pemohon.

iv) Bilangan adik beradik yang ramai dan amat memerlukan bantuan dari sudut kewangan dan pendidikan.

v) Pemohon juga perlu memiliki prestasi akademik yang baik.[284]

b) Prosedur Kemasukan :

Penjaga / Waris dan juga pemohon dikehendaki datang ke pajabat PKAYI untuk mengisi borang kemasukan. Pemohon perlu membawa bersamanya salinan kad pengenalan penjaga dan sijil kelahiran pemohon, sijil kematian ibu/bapa dan salinan keputusan peperiksaan serta ko-kurikulum.

Setelah itu borang tersebut perlu dimajukan kepada pihak pentadbiran dan AJK PKAYI akan bermesyuarat. Apabila pihak pentadbiran meluluskan permohonan tersebut, pemohon akan dipanggil untuk ditemuduga. Sekiranya pemohon lulus dalam temuduga tersebut, ia akan dibenarkan masuk ke asrama.[285]

Bagi melicinkan pentadbiran asrama, pihak pengurusan telah menetapkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh para penghuninya. Para penghuni

---

[284] Lihat Lampiran G

[285] Lihat Lampiran H

hanya dibenarkan pulang ke kampung sebulan sekali. Dan juga dibenarkan keluar ke bandar pada hari Rabu dan Sabtu dengan memakai pakaian asrama.[286]

3.2.7 Kemudahan-kemudahan Yang Disediakan

PKAYI Daerah Sabak Bernam telah berusaha untuk menyediakan kemudahan asrama dan penginapan untuk para penghuninya. Untuk tujuan tersebut, setiap penghuni diberikan kemudahan penginapan seperti katil, bantal dan tilam untuk kegunaan seharian. Para penghuni juga disediakan makan pada setiap waktu makan. Selain itu mereka juga diberikan duit saku mengikut tahap persekolahan masing-masing.

Untuk memastikan para penghuninya berjaya dalam bidang pelajaran pihak PKAYI Daerah Sabak Bernam telah berusaha untuk menyediakan kemudahan pelajaran dan pendidikan .

Antaranya ialah kemudahan perpustakaan, setakat ini PKAYI Daerah Sabak Bernam hanya mampu menyediakan mini perpustakaan untuk para penghuninya. Masih terdapat kekurangan bahan bacaan khususnya yang berkaitan dengan buku-buku ruukan yang diperlukan oleh para pelajar. [287]

PKAYI juga menyediakan kemudahan bilik komputer. Namun begitu setakat kajian ini dijalankan terdapat hanya lima buah komputer sahaja dalam

---

[286] Wawancara dengan Puan Rosnah bt. Razali pada 15 Oktober 2001

[287] *Ibid*

bilik tersebut dengan seorang tenaga pengajar. Kelas ini hanya dikhususkan untuk pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima sahaja memandangkan bilangan komputer yang ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan penghuni yang lain.[288]

Untuk menjamin pencapaian cemerlang kepada para penghuninya, Pihak PKAYI Daerah Sabak Bernam telah mengambil inisiatif untuk memberikan Kelas Tambahan (Tuisyen). Ini dilakukan dengan menghantar para penghuninya yang akan menduduki Peperiksaan UPSR, PMR dan SPM ke kelas tambahan pada waktu malam. Kelas Tambahan ini dikendalikan oleh IT B.A.S.E Information di Sungai Besar.[289]

Bagi tujuan memudahkan pergerakan para penghuninya, PKAYI turut menyediakan kemudahan pengangkutan dengan menggunakan sebuah van untuk menghantar dan mengambil para penghuninya.[290] Pengangkutan ini digunakan untuk menghantar penghuni ke pusat tuisyen, mendapat rawatan kesihatan di klinik-klinik dan membawa pelajar untuk mengikuti program yang dianjurkan oleh PKAYI ataupun untuk menghadiri jemputan makan malam, kursus motivasi dan aktiviti lain yang dianjurkan di luar asrama anak yatim. [291]

---

[288] *Ibid*

[289] Wawancara dengan Tuan Haji Misban b. Katiran pada 15 Oktober 2001

[290] Van Rusa ini adalah sumbangan Syarikat PERODUA (Perusahaan Otomobil Kedua), Subang Jaya

[291] Wawancara dengan Tuan Haji Misban b. Katiran pada 15 Oktober 2001

PKAYI Daerah Sabak Bernam juga tidak mengabaikan tanggungjawabnya terhadap masalah kesihatan para penghuninya. Oleh itu, rawatan kesihatan telah disediakan dengan menghantar para penghuni ke Hospital Sabak Bernam ataupun Klinik Kesihatan Kerajaan yang berhampiran. Para penghuni yang didapati sakit perlu mengisi borang untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kerajaan sahaja. Mereka akan dihantar dan dijemput pulang dari hospital atau klinik dengan menaiki van.[292] Keadaan sebegini dapat menjaga keselamatan para penghuninya di samping dapat mengelakkan mereka daripada pergi ke tempat lain jika mereka keluar sendirian.

Sebagai kesimpulannya para penghuni asrama PKAYI adalah beruntung dan bernasib baik kerana mereka mendapat kemudahan yang dapat memenuhi keperluan mereka seharian. Perkara yang sebegini mungkin tidak dapat dirasai sekiranya mereka tinggal dengan penjaga yang mempunyai tanggungan yang ramai. Namunpun begitu, kemewahan dunia tidak dapat menandingi limpahan kasih seorang ibu atau ayah yang telah pergi menemui Ilahi. Justeru itu Islam amat memandang mulia bagi mereka yang sudi menghulurkan simpati dan mencurahkan kasih sayang kepada anak yatim yang berada di bawah jagaannya.

3.2.8 Aktiviti-aktiviti PKAYI Daerah Sabak Bernam

Secara umumnya aktiviti-aktiviti PKAYI Daerah Sabak Bernam adalah mengikut aktiviti-aktiviti yang telah diaturkan oleh pihak PEYATIM. Aktiviti-

---

[292] Lampiran 1

aktiviti tersebut adalah tilawah al-Quran, berzanji, syarahan dan nasyid. Mankala aktiviti sukan pula diadakan dua tahun sekali.

Sementara itu, pihak PEYATIM bertanggungjawab untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti di atas bagi peringkat negeri dan peringkat kebangsaan. Bagi tahun 2000 , peserta PKAYI Daerah Sabak Bernam telah berjaya menjadi johan bagi acara Tilawah al-Quran, syarahan dan berzanji bagi peringkat negari Selangor. Setakat ini wakil PKAYI dari negeri Selangor belum pernah menjadi johan bagi aktiviti-aktiviti anjuran PEYATIM peringkat kebangsaan.[293]

Penghuni asrama PKAYI Daerah Sabak Bernam lebih banyak terikat dengan persekolahan masing-masing. Pihak PKAYI Daerah Sabak Bernam akan mengadakan program yang dirasakan perlu mengikut keadaan dan kewangan PKAYI sendiri. Ini kerana kos yang diperlukan agak tinggi. Sebagai contohnya, bagi menghadiri aktiviti-aktiviti yang dianjurkan PEYATIM, pihak PKAYI perlu memperuntukkan belanja hampir RM 4,000.00.[294]

Seperti asrama-asrama lain yang terdapat di Malaysia, jadual harian para penghuni adalah padat. Butirannya adalah seperti berikut :

6.00 pagi : Bangun pagi dan Solat Subuh

6.45 pagi : Sarapan

7.00 pagi : Pergi ke sekolah

---

[293] Wawancara dengan Tuan Haji Misban b. Katiran pada 15 Oktober 2001

[294] Wawancara dengan Puan Rosnah bt. Razali pada 15 Oktober 2001

1.30 t/hari	: Pulang dari sekolah, makan tengahari dan Solat Zuhur
2.30 ptg	: Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) bagi pelajar sekolah rendah. Bagi pelajar sekolah menengah mereka dikehendaki mengulangkaji pelajaran.
5.30 ptg	: Pelajar KAFA pulang dan Solat Asar
6.30 ptg	: Makan Malam
7.30 mlm	: Solat Maghrib
8.30 mlm	: Solat Isyak
9.00 mlm	: Kelas persediaan (Prep)
11.00 mlm	: Tidur

Jadual ini perlu dipatuhi oleh setiap penghuni daripada hari Isnin hingga Jumaat. Pada hari Sabtu dan Ahad mereka akan mengadakan gotong royong membersihkan kawasan asrama.[295]

Sepanjang tahun 1999 pihak PKAYI Daerah Sabak Bernam telah mengadakan beberapa aktiviti. Antaranya ialah Mesyuarat Agung Tahunan untuk kali ketujuh telah diadakan pada 8 Ogos 1999 di Dewan Asrama PKAYI Daerah Sabak Bernam dan telah dirasmikan oleh Tuan Haji Shamsudin bin Haji Lias (Pegawai Daerah Sabak Bernam).

Sebagai memenuhi aktiviti lawatan dan rekreasi para penghuni maka ada 13 November 1999 PKAYI Daerah Sabak Bernam telah mengadakan satu lawatan ke Teluk Batik dan Pasir Salak di Perak. Ia bertujuan untuk mendedahkan para

---

[295] *Ibid*

penghuni dengan kesan tinggalan sejarah sambil berekreasi bersama para penghuni. Dalam pada itu, PKAYI Daerah Sabak Bernam juga telah menerima Ekspedisi Amal Kelab Bermotorsikal Kuasa Tinggi seramai 100 orang selama satu hari pada 4 Disember 1999.[296]

Aktiviti kemuncak para penghuni di PKAYI Daerah Sabak Bernam ialah majlis Khatam al-Quran yang telah diadakan pada 19 November 1999. PKAYI Daerah Sabak Bernam telah mengadakan majlis perpisahan dengan sebahagian penghuni yang akan melanjutkan pelajaran ke IPT. Ia diadakan di dewan asrama PKAYI Sabak Bernam. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang DiPertua PKAYI Datok Haji Baharin bin Haji Mat Akhir, ahli Jawatankuasa serta ibu/penjaga penghuni.[297]

Sebagai sebuah pertubuhan yang menguruskan kebajikan anak yatim PKAYI Daerah Sabak Bernam juga turut menerima tetamu yang secara sukarela menjalankan Projek Khidmat Masyarakat di asrama PKAYI Daerah Sabak Bernam. Adakalanya pula para penghuni asrama diundang untuk menjayakan aktiviti lain di luar kawasan asrama dan adakalanya mereka dilawati oleh pihak luar. Antaranya ialah lawatan daripada mahasiswa dan mahasiswi pusat pengajian tinggi tempatan seperti UM, UTM, UPM, UNITAR dan lain-lain IPTA lagi. Contohnya ialah mereka telah dijemput menghadiri Projek Khidmat Masyarakat Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) yang diadakan pada 26 Mei – 3 Jun 2001.

---

[296] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2000), *op.cit.*, h. 53

[297] *Ibid*

Selain itu, PKAYI turut menerima jemputan ke majlis panyampaian sumbangan sempena minggu raya, program Roda Impian di Astro pada 16 Oktober 2001. Program ini dimainkan oleh para artis dan jumlah wang yang terkumpul akan disumbangkan kepada asrama PKAYI. Begitu juga dengan jemputan berbuka puasa pada bulan Ramadan oleh berbagai pihak yang ingin melakukan ihsan terhadap anak yatim.[298]

Berdasarkan kenyataan di atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PKAYI adalah bergantung kepada keperluan, masa dan kemampuan yang ada pada pihak pentadbiran PKAYI. Namunpun begitu para penghuni asrama ini banyak diraikan dan dijemput untuk menghadiri program-program tertentu yang mana program ini banyak membantu mereka untuk lebih matang mengharungi hidup yang penuh dengan dugaan dan cabaran.[299]

3.2.9 Masalah-masalah PKAYI Daerah Sabak Bernam

Dalam menjalankan kerja-kerja kebajikan untuk anak yatim, PKAYI berhadapan dengan berbagai masalah yang menuntut pengorbanan daripada seluruh anggota masyarakat Islam amnya dan masyarakat setempat khususnya.

Masalah yang paling ketara ialah masalah kewangan. Untuk tempoh tiga tahun sebelum ini PKAYI menjadi Rumah Angkat bagi Sime Darby

---

[298] Fail PKAYI Daerah Sabak Bernam, Surat Jemputan 2002

[299] Ini terbukti dengan terlalu banyak surat jemputan yang diterima oleh pihak pentadbiran dan adakalanya pihak pentadbiran tidak dapat memenuhi jemputan dan undangan tersebut.

(1998,1999,2000). Dengan sumbangan yang telah dihulurkan ia mampu untuk menampung perbelanjaan bagi membiayai kebajikan anak-anak yatim. [300]

Bagi tahun 2001 sumbangan daripada Sime Darby telah tamat dan pihak pentadbiran hanya bergantung kepada bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sumbangan ikhlas daripada orang ramai. Sehubungan itu, pihak PKAYI perlu mencari sumber-sumber kewangan yang lain untuk menangani masalah yang dihadapi. Ini adalah kerana perbelanjaan bulanan yang diperlukan terlalu tinggi iaitu sebanyak RM 10,000.00 sebulan.[301]

Selain daripada masalah kewangan PKAYI juga menghadapi masalah disiplin pelajar. Menurut Tuan Haji Misban bin Katiran tahap disiplin pelajar sampai ke tahap yang membimbangkan.[302]

Pelajar lelaki menghadapi masalah disiplin yang serius di mana terdapat pelajar lelaki yang merokok, suka membuli pelajar yang lebih junior, mencuri, tidak mendengar nasihat, melawan cakap serta tidak menjaga kebersihan asrama. Bagi pelajar perempuan pula ada yang tidak menutup aurat dengan sempurna, masalah remaja seperti mempunyai teman lelaki dan sering berjumpa. Mereka juga menggunakan kebenaran untuk keluar ke bandar dan mengambil kesempatan tersebut untuk mengadakan temujanji dengan teman lelaki mereka.[303] Masalah

---

[300] Wawancara dengan Puan Rosnah bt. Razali pada 15 Oktober 2001

[301] *Ibid*

[302] Wawancara dengan Tuan Haji Misban b. Katiran pada 15 Oktober 2001

[303] *Ibid*

disiplin pelajar ini berpunca daripada latar belakang keluarga pelajar yang berbeza. Ada yang datang daripada keluarga yang kuat disiplinnya dan ada juga yang datang daripada keluarga yang tidak kuat disiplinnya. Hal ini diakui sendiri oleh Tuan Haji Misban yang menyatakan bahawa ada juga pelajar yang mudah dibentuk dan mematuhi segala arahan yang telah ditetapkan.[304]

Selain itu PKAYI turut menghadapi masalah pengangkutan di mana pada masa sekarang pengangkutan yang digunakan ialah sebuah van Perodua Rusa sumbangan Syarikat PERODUA, Subang Jaya. Van ini hanya boleh memuatkan lapan orang penumpang sahaja. Pihak pentadbiran PKAYI mencadangkan agar mereka dapat memiliki sebuah *coaster* yang boleh membawa 12 orang penghuni. Masalah ini dihadapi apabila hendak menghantar para penghuni ke kelas tambahan dan juga menghadiri program lain di luar asrama.[305]

PKAYI juga turut menghadapi masalah untuk menggantikan kemudahan asas yang terdapat di bilik para penghuni seperti almari, katil, tilam dan sebagainya. Setakat ini PKAYI belum pernah menerima barangan sumbangan Courts Mammoth yang telah melancarkan "Kempen Rumah Ceriaku-Court." Segala keperluan telah pun dimajukan kepada pihak PEYATIM. Namunpun begitu pemilihan akan dibuat oleh pihak Court sendiri.[306]

---

[304] *Ibid*

[305] Wawancara dengan Puan Rosnah bt. Razali pada 15 Oktober 2001

[306] *Ibid*

Hasil daripada penelitian penulis dapat dirumuskan bahawa PKAYI yang wujud sekarang amat memerlukan bantuan kewangan, dan sokongan yang padu untuk memastikan pengurusan kebajikan anak yatim terus berjalan dengan lancar dan baik.

3.3 Aktiviti-aktiviti PEYATIM

Setelah penulis membentangkan tentang aktiviti-aktiviti PKAYI yang menjadi Ahli Gabungan PEYATIM, seterusnya penulis akan menghuraikan pula tentang aktiviti-aktiviti PEYATIM sendiri. Melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, PEYATIM berpeluang untuk menemukan anak yatim di seluruh negara dan memperatkan lagi hubungan sesama anak yatim yang menjadi penghuni Asrama Kebajikan Anak Yatim di Malaysia.

Namun begitu, dianggarkan masih terdapat 350,000 anak yatim di seluruh negara sama ada dibela oleh penjaga atau ditempatkan di rumah anak yatim yang bukan Ahli Gabungan PEYATIM dan di Rumah Pengasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat.[307]

[307] Utusan Malaysia, 9 September 2002, h. 6

3.3.1 Aktiviti Tilawah al-Quran, Nasyid, Syarahan, Berzanji dan Deklamasi Sajak

Majlis Tilawah al-Quran PEYATIM buat pertama kalinya diadakan pada 11 hingga 13 Muharram 1414H bersamaan 3-5 Jun 1993 bertempat di Masjid Negeri Pulau Pinang.[308]

Majlis Tilawah al-Quran PEYATIM Peringkat Kebangsaan ini adalah satu cadangan daripada Persekutuan Kebajikan Anak-anak Yatim Pulau Pinang dan ianya sebagai salah satu cara untuk menyambut dan meraikan Hari Anak Yatim Se-Malaysia/Se-Dunia yang telah diisytiharkan pada 10 Muharram Kalendar Hijrah tiap-tiap tahun. Ianya selaras dengan cadangan PEYATIM untuk dijadikan aktiviti tahunan.[309]

Majlis Tilawah al-Quran tahun-tahun berikutnya diubah masanya oleh negeri-negeri yang menjadi tuan rumah dan disesuaikan cuti penggal sekolah untuk memberi peluang kepada anak yatim turut serta dengan tidak mengganggu masa persekolahan mereka.[310]

Dalam Majlis Tilawah al-Quran yang ke-3 pada 21 Mei 1995 yang mana negeri Johor Darul Takzim menjadi tuan rumah, dua acara tambahan disertakan

---

[308] Buku Cenderamata Majlis Tilawah al-Qur'an PEYATIM Peringkat Kebangsaan kali ke 10 1423/2002 (t.h)

[309] *Ibid*

[310] Rujuk Lampiran J (untuk mengetahui tarikh dan tempat diadakan Majlis Tilawah al-Quran PEYATIM berikutnya)

bersama-sama Majlis Tilawah al-Quran iaitu Peraduan Nasyid Lelaki dan Perempuan (Kumpulan) dan Peraduan Syarahan Lelaki dan Perempuan (Individu).

Dalam majlis ini, setiap PKAYI yang menjadi Ahli Gabungan PEYATIM diwajibkan menghantar peserta bagi setiap acara mengikut kategori yang telah ditetapkan.

a. Objektif

Di dalam Buku Cenderamata Majlis Tilawah al-Quran PEYATIM Peringkat Kebangsaan kali ke 10 1423/2002 telah dinyatakan objektif-objektifnya iaitu :

i) Menggabung dan mengekalkan silaturrahim antara anak-anak yatim yang tinggal di asrama anak-anak yatim yang tinggal di asrama anak-anak yatim seluruh negara.

ii) Mencungkil dan menonjolkan bakat anak-anak yatim dalam bacaan al-Quran, pertandingan nasyid, syarahan agama, berzanji dan deklamasi sajak.

iii) Memberikan galakan dan perangsang kepada anak-anak yatim untuk terus mempelajari dan memahami al-Quran sebagai pegangan umat Islam.

iv) Menjadikan anak-anak yatim bertaqwa dan menanam semangat cintakan al-Quran untuk mencapai matlamat wawasan 2020 yang akan melahirkan masyarakat penyayang dan insan kamil.

v) Memberi keyakinan diri bahawa anak-anak yatim juga mempunyai kebolehan untuk kejayaan.

vi) Menjadikan satu program yang boleh menghalang remaja membuang masa sebaliknya cuba mempelajari dan memahami kandungan al-Quran sebagai panduan hidup yang selamat di dunia dan di akhirat.[311]

b. Perlaksanaan

Untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Majlis Tilawah al-Quran iaitu nasyid, syarahan dan deklamasi sajak di atas, PEYATIM perlu menanggung perbelanjaan bagi melaksanakannya. Manakala acara sukan pula diadakan setiap dua tahun.

Peruntukan bagi majlis Tilawah al-Quran, pertandingan nasyid, syarahan dan deklamasi sajak peringkat kebangsaan adalah mencecah RM150,000. Jumlah ini bukan sahaja untuk menanggung makan minum kepada lebih kurang 1500 anak yatim dari seluruh negara, tetapi juga termasuk penginapan dan hadiah untuk para pemenang, Kos tersebut tidak termasuk tambang yang dibayar sendiri oleh Ahli gabungan PEYATIM.[312]

Sebagai contohnya, dalam majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan kali ke 10 yang telah diadakan di Bandar Kangar daripada 9-12 September 2002,

---

[311] Buku Cenderamata Majlis Tilawah al-Quran PEYATIM Peringkat Kebangsaan kali ke 10 1423/2002 (t.h)

[312] Wawancara dengan Tuan Haji Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

kesemua negeri di Malaysia telah menghantar wakil keempat-empat kategori ini[313] kecuali negeri Pahang.[314]

Menteri Besar Perlis, Y.A.B. Dato' Seri Shahidan Kasim telah merasmikan majlis tersebut. Dalam ucapannya Y.A.B. telah menyatakan bahawa tanggungjawab memelihara dan mendidik anak yatim harus dipikul bersama oleh orang ramai dan kerajaan. Beliau berharap agar program seperti ini akan membawa anak yatim ke arah kecemerlangan di dunia dan di akhirat.[315]

Tema bagi tahun 2002 ini ialah "Menghayati Keindahan Islam" dan ianya menjadi asas kepada pemilihan surah-surah al-Quran, tajuk-tajuk nasyid, syarahan dan sajak yang dipertandingkan. Ini bertujuan untuk menambahkan kesedaran anak yatim tentang bagaimana Islam membawa kemajuan dan kecemerlangan dalam kehidupan.[316]

3.3.2 Aktiviti Sukan

PEYATIM juga turut mengadakan sukan dalam tempoh dua tahun. Ia dikenali dengan nama Sukan Anak-anak Yatim (SUKYA). Acara yang dipertandingkan ialah [317] Badminton Campuran (Perseorangan dan Bergu), Bola Jaring, Bola Sepak (7 Sebelah), Bola Tampar (Lelaki dan Wanita), Congkak,

---

[313] iaitu Tilawah al-Quran, pertandingan nasyid, syarahan dan deklamasi sajak

[314] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas Kedua, Ampang : PEYATIM, h. 1

[315] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas Kedua, h.1

[316] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas Kedua, h.1

[317] (t.p) Buku Cenderamata SUKYA (2000), Ampang : PEYATIM

Karom, Olahraga, Ping Pong (Antara Pasukan/Perseorangan/Bergu), Sepak Takraw (Antara Pasukan dan Regu) dan Tarik Tali. [318]

Aktiviti sukan yang diadakan dua tahun sekali ini adalah bertujuan untuk mencapai tujuan dan objektif Biro Sukan PEYATIM sendiri yang antara lainnya adalah untuk menggalakkan anak yatim untuk berinteraksi sesama anak yatim yang tinggal di Asrama-asrama Anak Yatim di seluruh Malaysia untuk mereka bergaul mesra serta mengeratkan tali silaturahim dan muhibah menerusi acara sukan.[319]

Bagi tahun 2002 Karnival Sukan Anak-anak Yatim Malaysia (SUKYA) telah diadakan di Johor Bahru dari 27-31 Mei 2002. Dalam Karnival Sukan ini, anak yatim telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang sukan dan secara tidak langsung menjadi pemangkin bagi membentuk masyarakat yang sihat badan dan minda. Sungguhpun sukan ini di peringkat sekolah rendah dan menengah, namun semangat juang dan komitmen yang ditunjukkan oleh para peserta amat memberangsangkan. Dengan ini mereka dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain itu, semasa persaingan di antara mereka di dalam berbagai acara tersebut, anak yatim yang mewakili negeri masing-masing telah bergaul lebih sebagai rakan daripada sebagai lawan. Begitu juga semasa makan malam, mereka

---

[318] *Ibid*

[319] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor bin Daud pada 3 April 2002 di Pejabat PEYATIM. Beliau adalah Setiausaha Kerja PEYATIM. (Selepas ini Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor bin Daud pada 3 April 2002)

telah dapat beramah mesra antara satu sama lain yang secara langsung di dalam dan di luar gelanggang telah dapat mengeratkan lagi silaturahim antara mereka.[320]

Dato' Dr. Siti Zaharah bt. Sulaiman dalam ucapan penutup SUKYA telah menyatakan bahawa Karnival Sukan ini bukan sahaja bertujuan untuk memastikan wujudnya hubungan kekeluargaan dan kasih sayang antara anak yatim seluruh Malaysia, malah turut bertujuan menjalinkan semangat kerjasama antara Ahli-ahli Gabungan PEYATIM sendiri. Melalui SUKYA, apa yang penting ialah dapat membentuk sahsiah anak yatim agar lebih bersikap positif, mempunyai semangat dan daya juang yang tinggi, produktif dan inovatif. Sikap ini penting kerana mereka adalah sebahagian daripada generasi yang akan mewarnai pembangunan negara pada masa akan datang.[321]

Sebagai menghargai kerjasama kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak, Pertubuhan Pendidikan Anak-anak Yatim Selangor (Rumah Bakti Hulu Kelang) telah menganjurkan Majlis Kesyukuran SUKYA 2002 bertempat di Rumah Bakti, Hulu Kelang pada 17 Ogos 2002. Semua pihak yang terlibat termasuklah Setiausaha Agung PEYATIM, AJK Majlis Kerja Rumah Bakti, penaja-penaja pakaian sukan dan peralatan sukan bagi Kontinjen Selangor, jurulatih dari UiTM Shah Alam turut serta dalam majlis ini.[322]

---

[320] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas Kedua, h. 16

[321] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas Kedua, h. 16

[322] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas Kedua, h. 16

Sijil Penghargaan dan cenderahati kenang-kenangan diberikan oleh Pertubuhan kepada PEYATIM, semua penaja, dan jurulatih dari UiTM Shah Alam. Para peserta pula diberikan sijil penghargaan dan sijil penyertaan yang disediakan oleh Pertubuhan Rumah Bakti dan PEYATIM.[323]

3.3.3 Projek Kebajikan Anak-anak Yatim (KEBATIM)

Projek ini dijalankan antara PEYATIM dengan kerjasama warga Kolej Kediaman Kelima Universiti Malaya. Projek Kebajikan Anak-anak Yatim (KEBATIM) ini telah dilancarkan pada tahun 1994. Projek ini merupakan aktiviti yang dijalankan setiap tahun.[324]

Misi utama KEBATIM ialah untuk melahirkan masyarakat penyayang dan intelektual dengan berpegangkan moto "A Chance To Love and To Be Loved".

Sub-projek pertama bagi projek KEBATIM bagi tahun 2001 telah diadakan pada 23-26 Julai 2001 di mana semua ahli keluarga KEBATIM telah melawat asrama anak yatim di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia seperti Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Antara aktiviti yang diadakan ialah sesi suai kenal, taklimat ringkas KEBATIM 2001, slot motivasi dan bengkel, permainan serta nyanyian, aktiviti riadah dan sesi membantu anak yatim dalam masalah pelajaran.[325]

---

[323] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas Kedua, h. 12

[324] Wawancara dengan Tuan Haji Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[325] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 4

Sub-projek kedua KEBATIM ialah Pameran Mini di Dataran Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Antara aktiviti yang diadakan semasa pameran ini ialah pameran tentang sub-projek KEBATIM, masalah anak yatim, jualan amal, kutipan derma, pengenalan serta penjualan tiket Malam Tayangan Amal.[326]

Malam Tayangan Amal ialah sub-projek ketiga bagi KEBATIM bagi tahun 2001. Tayangan Amal ini telah dilangsungkan pada 25 Ogos 2001 di Auditorium Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya. Objektif utama Malam Tayangan Amal ini adalah untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat khasnya warga universiti tentang kepentingan masyarakat penyayang terutamanya kepada mereka yang memerlukan contohnya seperti golongan anak yatim. Selain itu, Malam Tayangan Amal ini adalah sebagai satu alternatif bagi menambah sumber kewangan KEBATIM di samping memungut derma untuk asrama anak yatim. Sub-projek keempat KEBATIM ialah Pameran Perdana yang telah diadakan di The Summit,USJ pada 27-28 Oktober 2001. Program yang diadakan pada hari itu ialah pameran dan jualan kebajikan.[327]

Minggu KEBATIM merupakan kemuncak projek ini. Ia telah dirasmikan oleh penaung KEBATIM 2001 iaitu Dr. Lim Thuang Seng A.M.S.J.P (Ahli Dewan Undangan Kawasan Bukit Gasing) pada 4 November 2001. Seramai 52 orang anak yatim dari seluruh Semenanjung Malaysia, pelbagai latar belakang bangsa, agama dan cara hidup dikumpulkan di bawah satu bumbung selama satu minggu. Mereka menginap bersama abang dan kakak angkat serta turut

---

[326] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[327] *Ibid*

didedahkan dengan pelbagai aktiviti menarik dan berfaedah.AJK KEBATIM berpendapat bahawa Minggu KEBATIM bukan sekadar masa untuk berbengkel dan mendengar ceramah ataupun riang bergurau senda dan bermain malah hakikatnya ialah satu proses pembinaan manusia yang berkualiti.[328]

Minggu KEBATIM 2001 telah menetapkan beberapa sasaran tertentu dalam perlaksanaannya. Pertama, menyumbang dalam pembentukan anak yatim yang berilmu,berketrampilan dan cemerlang. Kedua, menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia dalam membina satu generasi cemerlang. Dan ketiga, menerapkan keprihatinan dan kemesraan mahasiswa-masyarakat.[329]

Daripada kenyataan di atas dapat dirumuskan bahawa KEBATIM merupakan salah satu wadah yang dapat menyalurkan bantuan dan sumbangan dalam menjaga kebajikan anak yatim di Malaysia melalui aktiviti tahunannya yang telah ditetapkan.

3.3.4 Mesyuarat Agung Tahunan

Dalam usaha PEYATIM menguruskan kebajikan anak yatim, pendapat dan pandangan Ahli Gabungan adalah diambil kira untuk melahirkan satu bentuk pengurusan yang lebih mantap serta berkesan. Justeru itu, Pada 27 Oktober 2002,

---

[328] *Ibid*

[329] *Ibid*

Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (tanpa pemilihan) telah diadakan di The Gurney Resort Hotel & Residenses, Pulau Pinang.[330]

Semua perwakilan telah hadir dan terdapat beberapa perkara yang telah dibincangkan bagi meningkatkan lagi kemajuan PEYATIM. Antaranya ialah mengadakan kelas Qiraati untuk anak-anak yatim, mengadakan Majlis Khatam al-Quran peringkat kebangsaan, menubuhkan pasukan berunifom agar anak-anak yatim bergiat aktif di samping meningkatkan kredibiliti, keyakinan serta mempunyai motivasi diri yang tinggi. [331]

Turut dibincangkan juga dalam mesyuarat tersebut ialah tentang pengubahsuaian format Suara PEYATIM kepada bentuk risalah untuk menjimatkan kos penerbitan. Sebelum ini Suara PEYATIM memerlukan kos penerbitan yang terlalu tinggi, ruang iklannya tidak digunakan sepenuhnya dan juga kesulitan untuk mendapatkan berita/rencana. Suara PEYATIM yang lengkap akan dijadikan Laporan Tahunan PEYATIM.[332]

Pada 31 Disember 2001, Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB) telah diadakan bertempat di Hotel De Palma Ampang. Antara perkara yang dibincangkan ialah operasi-operasi dan prestasi yang telah dicapai oleh syarikat sepanjang tahun 2000/2001.

---

[330] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2002), *op. cit.*, h. 2

[331] *Ibid*

[332] Laporan Mesyuarat Agung Tahunan PEYATIM (2000), *op.cit.*, h. 26

Antaranya ialah Perkhidmatan Pengurusan Kerja/Projek. Bidang ini merupakan penyumbang utama kepada pendapatan syarikat tahun ini di mana PHSB telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perlaksanaan beberapa projek bagi pihak PEYATIM. Antara projek tersebut ialah pembekalan komputer dan kelengkapan bilik komputer serta pembekalan buku-buku perpustakaan kepada 38 buah Asrama Ahli Gabungan PEYATIM di seluruh negara. PHSB juga menguruskan perlaksanaan 19 buah kursus dan kem motovasi bagi pihak PEYATIM. [333]

PHSB juga telah mendapat bahagian 40% dengan ihsan YPJ Oil Estate Sdn. Bhd. Melalui Syarikat Rantau Harmoni Sdn. Bhd. Bagi menguruskan perladangan tersebut dan hasilnya telah dituai pada tahun 2002. [334]

Perniagaan yang ketara peningkatannya ialah PEYATIM Bestari Sdn. Bhd. (PBSB) iaitu melalui Kolej Teknologi Bestari (KTB). Bidang pendidikan ini telah mendapat sambutan yang baik dari masyarakat tempatan dan luar. Walaupun baru beroperasi, KTB telah menunjukkan prestasi yang yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.[335]

---

[333] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 8

[334] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 8

[335] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 8

3.3.5 Aktiviti Skim Derma Wakaf Batu-Bata

Skim Derma Wakaf Batu-Bata merupakan satu skim yang dilancarkan bertujuan untuk mengumpul dana bagi pembinaan Kampus Tetap KTB di Setiu, Terengganu. Justeru itu, pada 24 Ogos 2000 bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur PEYATIM telah mengadakan satu majlis perasmian dan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) sempena Skim Derma Wakaf Batu-Bata dan Pembangunan Kolej Teknologi Bestari (KTB) serta Tele-Ikhlas PEYATIM. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Najib bin Tun Razak, Menteri Pertahanan Malaysia.[336]

Skim Derma Wakaf Batu-Bata yang dilancarkan ini adalah untuk membela anak-anak yatim di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan terutamanya pada peringkat pengajian tinggi. Justeru itu dengan penubuhan KTB diharapkan dapat merealisasikan impian anak-anak yatim tersebut. [337]

Di antara objektif Skim Derma Wakaf Batu-Bata adalah untuk menampung kos pembinaan KTB, mewujudkan sebuah masyarakat yang prihatin terhadap kepentingan pendidikan anak-anak yatim dan mempercepatkan proses pembinaan KTB. Skim ini pada dasarnya dilancarkan dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia (BPM) melalui 220 buah cawangannya di seluruh Malaysia.

---

[336] Wawancara dengan Tuan Haji Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[337] *Ibid*

Skim ini terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia dengan membeli setiap lot batu-bata yang dijual oleh PEYATIM untuk digunakan dalam pembinaan KTB. [338]

Konsep dan cara menderma adalah seperti berikut :

- Harga bagi setiap batu-bata ialah 0.25 sen
- Penderma boleh menderma dengan membeli kupon menerusi setiap cawangan Bank Pertanian yang terdapat di seluruh Malaysia.
- Harga bagi setiap kupon ialah RM5.00, RM10.00, RM20.00 dan RM50.00.
- Derma maksima adalah mengikut kesanggupan para penderma.[339]

Pada asasnya para penderma boleh menderma melalui pembayaran tunai/cek dengan cara pembayaran secara langsung di Ibu Pejabat PEYATIM atau pembayaran melalui 38 buah Ahli Gabungan PEYATIM atau menerusi cawangan-cawangan Bank Pertanian Malaysia (BPM) di seluruh negara.[340]

Selain daripada membantu anak yatim dalam bidang pendidikan, skim ini menyediakan peluang yang luas bagi umat Islam memperbanyakkan amal jariah mereka sebagai bekalan di akhirat kelak.

---

[338] Suara PEYATIM (2000), bil. 3, Mei/Jun, h. 3 (Lihat Lampiran K)

[339] *Ibid*

[340] Wawancara dengan Cik Adlina bt. Badarudin pada 9 Mac 2001

3.3.6 Program Kecemerlangan Diri Dan Motivasi

Dalam rangka untuk menjamin kecemerlangan para penghuni asrama Ahli Gabungannya, Biro Kebajikan dan Asrama PEYATIM telah menganjurkan Program Kecemerlangan Diri masih Ada Yang Sayang dan Kem Motivasi 2000 di Kem Bumi Jati Kelang pada 14-16 Julai 2000. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan anak-anak yatim dengan dunia luar serta memberi semangat kepada mereka untuk meningkatkan lagi tahap akademik mereka bagi menghadapi masa depan. Kursus ini ditawarkan kepada seluruh anak yatim di Malaysia di bawah Ahli Gabungan PEYATIM.[341] Kem tersebut telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Haji Sakom.[342]

Selain itu, Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (PERKAYA) telah mengadakan kursus Teknik Menjawab Soalan PMR dan SPM anjuran PEYATIM bahagian zon Timur. Bagi PMR, kursus tersebut telah dijalankan pada 25-29 September 2001 dan bagi kursus SPM ialah pada 25-27 Oktober 2001. Kehadiran peserta amat menggalakkan iaitu seramai 222 orang.[343]

Program kecemerlangan diri anak yatim ini dijalankan pada setiap tahun bagi membina keyakinan dan kekuatan dalaman anak yatim. Tumpuan diberikan terhadap penguasaan mereka dalam bidang pelajaran dan bertujuan untuk melahirkan anak yatim yang mempunyai pencapaian akademik yang baik. Ini penting kerana, hasil daripada pengamatan penulis, kebanyakan anak yatim yang

---

[341] Suara PEYATIM (2000), *op. cit.*, bil. 3, Mei/Jun, h. 3

[342] Dato' Zainal Abidin bin Sakom ialah ADUN Batang Kali, Selangor untuk penggal 1999-2004

[343] Sura PEYATIM (2002), Edisi Khas, h.3

tinggal di asrama ini adalah dari kalangan mereka yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana. Justeru itu, mereka amat memerlukan sokongan motivasi dan panduan kemahiran belajar untuk melahirkan pelajar yang maju dalam bidang pelajaran.[344]

3.3.7 Aktiviti Lawatan

Dalam merangka aktiviti lawatan, ianya terbahagi kepada dua jenis lawatan iaitu lawatan untuk para penghuni asrama Ahli Gabungan PEYATIM dan juga lawatan untuk pemimpin dan staf PEYATIM yang bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap pengurusan PEYATIM.

PEYATIM melalui Ahli Gabungannya telah menganjurkan aktiviti lawatan untuk para penghuni asramanya. Lawatan ini bertujuan unutk mendedahkan para penghuni asrama dengan keadaan luar. Biasanya pihak pengurusan asrama Ahli Gabungan PEYATIM menentukan destinasi lawatan dan membuka penyertaan kepada para penghuninya. Jika perjalanan jauh mereka akan bermalam di tempat yang telah disediakan.[345]

Kebiasaannya lawatan sambil belajar diadakan untuk para penghuni. Ia bertujuan untuk merehatkan fikiran dan mengenali tempat orang. Lawatan ini

---

[344] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor b. Daud pada 3 April 2002

[345] Wawancara dengan Tuan Hj. Misban b. Katiran pada 15 Oktober 2001

disertai bersama oleh para penghuni asrama lelaki dan perempuan dan juga para pekerja dan kakitangan asrama.[346]

Dalam pada itu, PEYATIM juga menganjurkan lawatan untuk pemimpin tertingginya yang terlibat dengan pengurusan dan pentadbiran Kolej Teknologi Bestari (KTB). Contohnya lawatan ke Indonesia yang bertujuan untuk berbincang dan saling bertukar fikiran dengan pusat pendidikan negara jiran.

a. Objektif Lawatan

Di antara objektif lawatan para pimpinan PEYATIM ialah :

i) Meninjau dari dekat perjalanan dan pengurusan pusat-pusat pesantren yang dikenalpasti, untuk mendapat idea baru dalam menguruskan rumah-rumah kebajikan secara lebih berkesan.

ii) Mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan pusat-pusat Pasentren dalam usaha mengenalpasti program dan projek yang boleh dicontohi.

iii) Untuk mendapat penerangan yang jelas tentang peluang kerjasama yang boleh diadakan oleh Kolej Teknologi Bestari dengan universiti-universiti yang dilawati dan yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dalam bidang-bidang tertentu khususnya perubatan.[347]

---

[346] *Ibid*

[347] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor bin Daud pada 3 April 2002

b. Tempat-tempat Yang Dilawati

Tempat-tempat yang dilawati ialah Universitas Indonesia – Depok, Pasentren as-Safiiyah Bekasi, Universitas Pedjajaran, Institut Teknologi Bandung, Pasentren Darul Tawhid Bandung, Ma'ahad al-Zaytun Indramayu, Universitas Diponegoro – Semarang, Surabaya, Universitas Brawijaya – Malang, Surabaya.[348]

Selain itu, pada 27 Julai 2000 Ahli Jawatankuasa PEYATIM telah mengadakan lawatan untuk bertemu dengan Y.B. Tan Sri Abdul Hamid b. Othman di Jabatan Perdana Menteri, Putra Jaya. Tujuan lawatan itu diadakan adalah untuk memohon kebenaran daripada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan program Forum Perdana dan Khutbah Jumaat untuk pertubuhan ini. Program ini mula diadakan pada bulan Februari 2001.[349]

Daripada keterangan di atas dapat dirumuskan bahawa PEYATIM tidak mengabaikan aspek rekreasi dan pelancongan melalui aktiviti lawatannya. Keadaan ini akan menimbulkan kegembiraan di kalangan para penghuni asramanya hasil daripada aktiviti lawatan yang telah dijalankan. Bagi pihak pengurusan pula, lawatan yang diadakan akan mendedahkan mereka kepada satu bentuk pengurusan kebajikan anak yatim yang lebih cekap dan berkesan. Pengalaman yang dilalui akan menjadi panduan kepada mereka untuk lebih bersemangat lagi untuk menguruskan kebajikan anak yatim di Malaysia.

---

[348] *Ibid*

[349] Suara PEYATIM (2000), bil 4/5, Julai/Ogos h. 2

3.4 PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB)

3.4.1 Latarbelakang PHSB

PHSB merupakan syarikat utama milik PEYATIM yang telah ditubuhkan pada 1 April 1996. Bermula dengan hanya mengendalikan asrama di Wisma PEYATIM yang boleh disewa untuk penginapan para pengunjung, PHSB pada hari ini telah memiliki tiga buah anak syarikat dan dua buah syarikat bersekutu dengan menceburi lapan bidang perniagaan iaitu perkhidmatan pengurusan kerja/projek, penginapan, pelaburan, perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah, pendidikan swasta, perkilangan dan perdagangan am.[350]

Sebagai sebuah pertubuhan sukarela, PEYATIM tidak boleh menjalankan aktiviti perniagaan. Oleh itu, penubuhan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB) merupakan sebuah syarikat yang berfungsi sebagai "Badan Perniagaan" bagi Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Malaysia (PEYATIM). Syarikat ini telah ditubuhkan pada 1 April 1996 di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan di bawah nombor 382002-T dengan modal berbayar RM 2000.00 dan modal dibenar RM 100,000.00.[351]

PHSB pada masa itu hanya mengendalikan asrama anak-anak yatim di tingkat atas Pejabat PEYATIM, di alamat No. 37, Taman Nirwana, 68000 Ampang, Selangor.

---

[350] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd (2001), Seremban : Percetakan Cahaya Murni h. 13 (Selepas ini Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001).

[351] *Ibid*, h. 11 (Lihat Lampiran L)

Setelah itu, PHSB mula mengembangkan operasinya di mana banyak bidang perniagaan baru dan berpotensi mula dikenal pasti. Untuk itu, resolusi bagi menetapkan jumlah modal dibenar dinaikkan ke RM 500,000.00 dan kemudian ke RM 1,000.000.00 diluluskan oleh Ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa PHSB pada 8 September 1999.[352]

Misi Syarikat

Misi PHSB adalah untuk menjadikan syarikat sebagai sumber pendapatan utama kepada PEYATIM dan para pemegang saham PHSB yang terdiri daripada Ahli Gabungan PEYATIM sendiri.

3.4.2 Visi PHSB

Sebagai sebuah syarikat korporat PHSB telah menggariskan visinya sendiri iaitu :

i) Menceburi bidang perniagaan yang memberi keuntungan kepada syarikat dan anak-anak syarikat.

ii) Mempertingkatkan kepakaran tenaga mahir (profesional) dan separa mahir di dalam syarikat bagi tujuan pembangunan operasi syarikat.

iii) Menstruktur semula syarikat sebagai persediaan menghadapi dunia perniagaan yang semakin mencabar dan globalisasi.

---

[352] *Ibid* (Lampiran M)

iv) Menjaga kebajikan syarikat, para pemegang saham dan kakitangan syarikat.[353]

Sebagai kesimpulannya visi PHSB ialah untuk menguasai bidang-bidang perniagaan yang diceburi, mengembeling tenaga kerja daripada peringkat pengurusan hinggalah ke peringkat kumpulan sokongan secara efisyen dan pintar, serta menstrukturkan semula bentuk pemasaran bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PHSB dan juga memastikan kebajikan para pemegang saham dan kakitangan syarikat akan terus terjaga.[354]

3.4.3 Struktur PHSB

Struktur Modal PHSB

Modal dibenarkan[355] ialah sebanyak RM 5,000.000.00 manakala modal berbayar[356] ialah berjumlah RM 242,002.00,

Pengurusan dan Kakitangan

PHSB mempunyai sistem pengurusannya sendiri dan ia diwakili oleh kakitangan yang terdiri daripada : Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman sebagai Pengerusi

---

[353] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[354] *Ibid*, h. 13

[355] Modal dibenarkan adalah had maksimum modal yang dibenarkan kepada PEYATIM

[356] Modal berbayar adalah modal yang ada pada PEYATIM pada masa disertasi ini ditulis

Eksekutif, Tg. Norfazyudi b. Tg. Embong sebagai Eksekutif Pentadbiran dan Kewangan serta Puan Intan Sari bt. Ahmad Ideris [357]

3.4.4 Operasi PHSB

PHSB telah menceburi lapan bidang perniagaan iaitu Perkhidmatan Pengurusan kerja/projek, penginapan, pelaburan, perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah, pendidikan swasta, perkilangan dan perdagangan am. [358]

Bidang perkhidmatan pengurusan kerja/projek ini merupakan penyumbang utama kepada pendapatan syarikat di mana pada tahun 2001 PHSB telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perlaksanaan beberapa buah projek bagi pihak PEYATIM. Antara projek tersebut ialah pembekalan komputer dan kelengkapan komputer serta pembekalan buku-buku perpustakaan kepada 38 buah Asrama Gabungan PEYATIM di seluruh negara. PHSB juga telah menguruskan perlaksanaan 19 buah kursus dan kem motivasi bagi pihak PEYATIM.[359]

Dalam bidang penginapan, Asrama PEYATIM (yang terletak di Wisma PEYATIM, Taman Nirwana) merupakan bidang niaga yang pertama diceburi oleh PHSB. Wisma PEYATIM selain dari dijadikan Pejabat Urusan PHSB ianya juga dijadikan tempat penginapan yang dikomersialkan di tingkat dua dan tiga. Asrama yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan ini boleh menampung sehingga 50 orang pada satu masa dengan kadar sewa yang berpatutan. Pada tahun 2001,

---

[357] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001), *op. cit.*, h. 13

[358] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[359] *Ibid*

pendapatan daripada bidang ini berkurangan. Ini kerana kerja-kerja membaik pulih bangunan asrama perlu dijalankan memandangkan usia bangunan telah melebihi sepuluh tahun. Namun begitu pihak pengurusan sedang berusaha untuk menaikkan kembali pendapatan syarikat melalui bidang ini di mana aktiviti pemasaran telah mula diperluas melalui broucher yang diedarkan.[360]

Dalam bidang pelaburan pula, PHSB telah melabur dalam saham Petronas sebanyak 97 lot yang terdiri daripada 54 lot pegangan Ahli Gabungan dan 43 lot selebihnya ialah pegangan PEYATIM. Buat masa ini tiada pelaburan baru dalam mana-mana syarikat lain.[361]

Dalam bidang perladangan kelapa sawit, syarikat telah menjalankan usaha sama dengan YPJ Oil Palm Estate Sdn. Bhd. Untuk menubuhkan Rantau Harmoni Sdn. Bhd. Dengan tujuan untuk membangunkan perladangan kelapa sawit di Kota Tinggi, Johor. Buat masa kini Rantau Harmoni menjalankan tuaiannya yang pertama pada tahun 2002.[362]

Dalam bidang pembangunan hartanah di Rawang yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor, syarikat masih belum dibayar premiumnya kerana syarikat masih belum menerima laporan penilaian tanah daripada Pejabat Tanah.[363]

---

[360] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor b. Daud pada 3 April 2002

[361] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001), *op. cit.*, h. 13

[362] *Ibid*

[363] *Ibid*

Dalam bidang pendidikan swasta, PHSB melalui PEYATIM Bestari Sdn. Bhd. (PBSB) telah berjaya melahirkan graduannya yang berdaya saing melalui program pengajian usahasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM). Bagi sesi 2000/2001, PBSB telah berjaya melahirkan seramai 198 graduan dalam beberapa bidang yang mendapat pengiktirafan daripada UPM.[364]

Dalam bidang perkilangan, anak syarikat PHSB iaitu PEYATIM Industri Sdn. Bhd. (PISB) telah memasuki tahun ketiga operasi dan telah berjaya bersaing di pasaran. Walau bagaimanapun PISB memerlukan suntikan modal tambahan bagi membesarkan lagi perniagaannya bagi memenuhi permintaan pasaran dan meningkatkan daya saing pasaran.[365]

Manakala dalam bidang perdagangan am, PEYATIM Niaga Sdn. Bhd. (PNSB) telah ditubuhkan pada tahun 1999 bagi menjalankan aktiviti perniagaan (trading) bagi pihak PHSB dengan memasarkan berbagai produk makanan dan minuman serta kelengkapan sekolah seperti uniform, kasut dan beg sekolah.[366]

Daripada kenyataan di atas dapatlah dirumuskan bahawa PHSB adalah syarikat yang bertanggungjawab untuk mencari sumber kewangan tetap bagi PEYATIM selain daripada sumbangan yang diterima sama ada daripada sektor awam mahupun swasta.

---

[364] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[365] *Ibid*

[366] *Ibid*

3.4.5 Kegiatan Utama Syarikat dan Anak Syarikat PHSB

PHSB selaku syarikat induk kepada anak-anak syarikatnya iaitu PEYATIM Niaga Sdn. Bhd. (PNSB), PEYATIM Industri Sdn. Bhd. (PISB), PEYATIM Bestari Sdn. Bhd (PBSB), Hartanah PEYATIM Sdn. Bhd. (HPSB) dan Rantau Harmoni Sdn. Bhd. (RHSB) memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran serta kematangan operasi syarikat-syarikat tersebut. Oleh itu, segala aktiviti dan perkembangan syarikat-syarikat tersebut perlu dilaporkan oleh pihak pengurusan syarikat kepada PHSB bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D).[367]

a. PEYATIM Niaga Sdn. Bhd. (PNSB)

PNSB merupakan syarikat milik penuh PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (PHSB) yang menjalankan aktiviti perdagangan am (trading). PNSB telah memulakan aktiviti pemasaran produk minuman pada awal penubuhannya telah mula mengembangkan bidang perniagaan di mana pada hari ini lebih daripada 30 jenis produk telah dipasarkan oleh syarikat ini. Ini termasuklah menyusun semula rangkaian pemasaran syarikat dan membuka cawangan baru di Seremban bagi mengimbangi aktiviti syarikat yang semakin bertambah.[368]

---

[367] *Ibid*

[368] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn Bhd. (2001), *op. cit.*, h. 19

Struktur PEYATIM Niaga Sdn. Bhd. (PNSB)

Syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh PEYATIM Holding Sdn. Bhd. dengan modal dibenar sebanyak RM 100,000.00 manakala modal berbayar ialah sebanyak RM 25,004.00. [369]

Ahli Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah PNSB merangkap Ahli Lembaga Pengarah PHSB adalah terdiri daripada Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman, Tuan Hj. Sulaiman b. Hassan, Tuan Hj. Lamang b. Donggoh, Tuan Hj. Nik Abdul Rahman b. Nik Taib dan Encik Abdul Rashid b. Daud. [370]

Pengurusan

PNSB diurus oleh Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman sebagai Pengerusi Eksekutif dan Mohd. Shukri b. Zainudin sebagai Pengurus PNSB.

Operasi Syarikat

Di antara operasi syarikat yang dijalankan oleh PNSB ialah pemasaran produk. Produk lama yang masih dikekalkan di dalam aktiviti pemasaran PNSB

---

[369] *Ibid*

[370] Lihat Lampiran N

adalah Air Mineral Bestari (500ml),Air Mineral PEYATIM (1500ml), Air Mineral PEYATIM (500ml), Air Kacang Soya PEYATIM (300ml), Air Asam Jawa Suci (300ml). Ini adalah disebabkan produk ini mendapat sambutan yang menggalakkan di pasaran dan telah mengukuhkan nama PNSB di dalam pasaran.[371]

Namun begitu terdapat dua jenis produk yang telah dihentikan pengeluarannya disebabkan produk ini tidak mendapat sambutan di pasaran. Produk tersebut adalah Jus Mengkudu Klorofil PEYATIM dan Ubat Gigi PEYATIM.[372]

Untuk menambahkan lagi rangkaian produk, beberapa produk baru telah diperkenalkan hasil daripada kelulusan Ahli Lembaga Pengarah. Produk-produk tersebut adalah Kicap Manis, Lemak dan Masin PEYATIM, Kicap Premium PEYATIM, Kicap Pekat PEYATIM, Sos Cili dan Sos Tomato PEYATIM, Sos Perisa Tiram PEYATIM, Kordial Sirap , Oren dan Barli PEYATIM.[373]

Mulai tahun 2002 PNSB telah mengeluarkan peralatan sekolah seperti pakaian seragam, kasut, beg dan alat-alat tulis untuk kegunaan para pelajar sekolah rendah dan menengah dengan harga yang berpatutan.[374] PNSB juga melancarkan promosi cuti sekolah untuk menarik perhatian para pelanggannya

---

[371] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001), *op. cit.*,h. 20

[372] *Ibid*

[373] *Ibid*, h. 21 (Lihat Lampiran O)

[374] Jenama peralatan sekolah PEYATIM ini ialah "Smart Scholar."

dengan menawarkan potongan harga istimewa bagi produk peralatan sekolah. Peralatan tersebut boleh dibeli secara pakej yang mengandungi pakaian seragam (lelaki dan perempuan), sepasang kasut dan stokin serta sebuah beg yang dilengkapi dengan peralatan alatulis.[375]

Bagi aktiviti jualan pula, sehingga kini PNSB telah banyak membekalkan produknya kepada aktiviti-aktiviti rasmi dan tidak rasmi. PNSB secara khususnya ingin menumpukan jualan kepada dalam bentuk borong iaitu sebagai pembekal dan tidak secara runcit. Oleh kerana itu, aktiviti pemasaran begini lebih rumit dan memerlukan jaringan pemasaran yang begitu kukuh.[376]

Dalam bulan Ramadan pula PNSB telah melancarkan promosi penjualan buah kurma iaitu dalam dua bentuk bungkusan.[377] Segala pendapatan dan keuntungan yang diperolehi akan disumbangkan terus kepada PEYATIM untuk membantu kos perbelanjaan dan aktiviti yang dijalankan oleh PEYATIM.[378]

Dalam memasarkan produk perniagaan PEYATIM, nama PEYATIM sendiri adalah satu nama yang agak kukuh dan mudah untuk memasuki pasaran secara terbuka namun disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja dan modal kerja yang sedikit, maka hasrat untu memasuki pasaran secara terbuka terpaksa ditunda terlebih dahulu.Oleh itu, pihak PNSB bercadang untuk memasuki perniagaan

---

[375] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 12

[376] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[377] iaitu 100gm kurma biasa (RM2.50) dan juga 300gm kurma yang disalut dengan badam dan kacang walnut (RM14.50)

[378] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 12

pembekalan air mineral terlebih dahulu di mana ia tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai dan keuntungan jualan yang lebih besar.[379]

Setakat ini PNSB telah menjadi pembekal bagi aktiviti Ekspo Konvokesyen UUM ke 13 di Sintok, Kedah, Majlis Perletakan Batu Asas Kolej Teknologi Bestari (KTB), Trengganu, Majlis Pelancaran Skim Derma Wakaf Batu Bata KTB di Hotel Istana, Kuala Lumpur, Sukan Anak Yatim di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Majlis Tilawah, Nasyid dan Syarahan Anak Yatim di Maktab Perguruan Sultan Abdul Hamid Sungai Petani Kedah, Jabatan Perdana Menteri, Kelab Sukan & Rekreasi Arab Malaysian Bank, Kuala Lumpur, Stesen Minyak, Kedai Runcit & Restoran sekitar Lembah Klang, Minggu Orientasi UUM sesi 2001/2002, Majlis Tanaman Pokok Bersama Dr. Siti Hasmah di UUM, Majlis Tilawah, Nasyid, Syarahan dan Berzanji Peringkat Negeri Johor dan juga Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON)[380]

Perancangan

PNSB juga mempunyai beberapa perancangan di mana ia akan memberikan keuntungan yang lebih besar kepada PEYATIM dan diharap akan memberikan pulangan yang memuaskan kepada pemegang saham PNSB. Antara sasaran pelanggan tersebut adalah Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta, Institusi Perbankan dan Kewangan, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Belia

---

[379] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 12

[380] Laporan Tahunan PEYATIM Holding (2001), *op. cit.*,h. 20

& Sukan, Lembaga Tabung Haji, Sekolah Menengah & Rendah, Masjid & Pusat Islam Negeri, Kafetaria & Kantin dan Litar Formula 1 di Sepang. [381]

Selain itu, PNSB mempunyai strategi pemasaran yang tersendiri dan boleh diimplementasikan pada masa hadapan. Pasaran untuk produk PNSB amat berpotensi dan mudah dijual. Program pemasaran ini akan dijalankan secara berperingkat mengikut kekuatan yang ada pada PNSB.

Perancangan PNSB adalah dengan memberi kesedaran kepada semua pihak tentang kewujudan PEYATIM dan juga produk yang dikeluarkan oleh PNSB dengan membuat program usahasama (joint venture) membekalkan air mineral dan juga produk-produk lain dengan jenama/syarikat/individu yang terkenal.menambahkan lagi bilangan produk PNSB dan melupuskan produk yang tidak mendapat sambutan.

Selain itu, seminar dan juga ceramah kesedaran kesihatan juga turut diadakan di jabatan kerajaan, pertubuhan, badan-badan kebajikan, Ahli Gabungan PEYATIM dan juga institusi pendidikan bagi memudahkan pemasaran minuman kesihatan PNSB. Pengurusan PNSB merancang untuk mengeluarkan sendiri 'line' produknya (product-line) seperti air mineral dan jus asam jawa bagi memantapkan lagi operasi syarikat. Untuk itu PNSB akan memohon pinjaman Tabung IKS di bawah kelolaan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) bagi membeli mesin kelengkapan berkenaan.[382]

---

[381] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[382] Laporan Tahunan PEYATIM Holding (2002), *op. cit.* , h. 15

b. PEYATIM Industries Sdn. Bhd. (PISB)

PISB merupakan anak syarikat milik PHSB (51%) yang dijalankan secara usaha sama dengan Badan Khidmat Islam Perak (BAKIP – 49%) yang menjalankan perusahaan membuat roti bun.[383]

PISB menjalankan operasi di sebuah kilang yang terletak di Ipoh, Perak ditubuhkan pada 22 Oktober 1998. PISB ketika ini menjalankan aktiviti pengeluaran roti bun serta memasarkannya ke sekitar negeri Perak. Pihak pengurusan syarikat sedang dalam usaha memasarkan produk syarikat ke luar negeri Perak dan pada masa ini agen jualan di Seremban telah dilantik sebagai percubaan.[384]

Struktur PEYATIM Industries Sdn. Bhd. (PISB)

Modal dibenar bagi PISB ialah sebanyak RM 100,000.00 manakala modal berbayar pula berjumlah RM 50,000.00. Struktur modal PISB pula dipegang bersama oleh PEYATIM Holding Sdn Bhd. sebanyak 51% dan Badan Khidmat Islam Perak (BAKIP) sebanyak 49%.[385]

---

[383] *Ibid*, h. 18

[384] *Ibid*

[385] *Ibid*

Ahli Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah PISB adalah terdiri daripada Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman, Tuan Hj. Sulaiman b. Hassan dan Tuan Hj. Lamang b. Donggoh yang mewakili PHSB, manakala BAKIP pula diwakili oleh Tuan Hj. Anwar b. Meor Hamzah dan Syeikh Mohd. Nor Mansor al-Hafiz.

Pengurusan

Pengurusan PISB dikendalikan oleh Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman sebagai Pengerusi Eksekutif, Tuan Hj. Anwar b. Meor Hamzah sebagai Pengarah Urusan dan Encik Kamal b. Abbas sebagai Pengurus PISB.[386]

Operasi Syarikat

Setakat ini syarikat masih menjalankan pengeluaran roti bun sahaja. Prestasi jualan menampakkan peningkatan namun sasaran sebenar jualan masih belum dapat dicapai oleh syarikat ini. Pihak pengurusan syarikat memandang berat perkara ini kerana ia merupakan tahun keempat syarikat ini beroperasi. Justeru itu punca kelembapan peningkatan dalam jualan telah dikenalpasti. Antaranya ialah kekurangan mesin-mesin yang berupaya mengeluarkan produk yang selaras dengan permintaan pasaran, kekurangan tenaga mahir dalam beberapa bidang terutamanya pemasaran dan syarikat masih memerlukan suntikan

---

[386] *Ibid*

modal pusingan tambahan. Penyelesaian kepada semua ini adalah penting bagi memastikan syarikat benar-benar mampu memasuki pasaran yang lebih besar.[387]

Perancangan

Bagi memastikan perencanaan syarikat menghasilkan pertumbuhan yang positif, pihak pengurusan telah memutuskan bahawa adalah perlu bagi PISB mendapatkan pinjaman untuk membeli mesin-mesin yang lebih baik serta mendapatkan modal pusingan agar pekerja-pekerja mahir dapat diperolehi. Justeru itu pihak pengurusan sedang berusaha untuk mendapatkan pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (IKS) daripada Bank Pertanian Malaysia sebanyak RM350,000.00 dengan mencagarkan lot-lot saham Petronas sebanyak 23 lot iaitu 20 lot kepunyaan PEYATIM dan 3 lot lagi adalah milik BAKIP.[388]

Pasaran roti bun jenama 'P-Best' telah mula mendapat sambutan daripada jabatan-jabatan kerajaan dan ini terbukti apabila roti syarikat berjaya membekalkan lebih 16,000 unit roti bun 'P-Best' kepada peserta perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perak pada tahun 2001. Kini roti P-Best telah dijual melalui 50 buah kedai dan juga restoran. Untuk perancangan seterusnya pihak PISB berusaha untuk mendapatkan pasaran yang lebih besar dan luas melalui kontrak-kontrak dengan badan-badan kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), hospital dan lain-lain lagi.[389]

---

[387] Laporan Tahunan PEYATIM Holding (2000), *op. cit.* , h. 19

[388] *Ibid*

[389] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor b. Daud pada 3 April 2002

c. PEYATIM Bestari Sdn. Bhd. (PBSB)

PBSB merupakan sebuah syarikat bersekutu PHSB yang mengendalikan Kolej Teknologi Bestari (KTB) di Putera Jaya, Setiu, Terengganu Darul Iman. KTB telah ditubuhkan pada 9 Julai 1997 dan didaftarkan di bawah nombor pendaftaran syarikat 438634-T. Saham Syarikat ini dipegang oleh PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (50%), Yajikan Holding Sdn. Bhd. (30%) dan PERKAYA Holding Sdn. Bhd. (20%).[390]

KTB mula beroperasi secara rasminya pada 4 Januari 1998 di kampus sementaranya di bangunan milik Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu (YPK) di Kampung Saujana, Setiu, Terengganu. Pada permulaannya, seramai 263 orang pelajar pertamanya mendaftar diri. Pada akhir tahun 2002 bilangannya bertambah kepada 850 orang.[391]

Buat masa sekarang, kampus tetap KTB sedang dalam pembinaan di atas tanah seluas 300 ekar di Tapak Pusat Latihan Belia Pertanian Putera Jaya, Setiu, Terengganu. Kampus yang bernilai RM25 juta ini dijangka siap pada tahun 2003.[392]

---

[390] *Ibid.* Lihat juga : Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2000), *op. cit.*, h.17

[391] Risalah KTB, t.t, t.p. (Lampiran P)

[392] Suara PEYATIM (2002), Edisi Khas, h. 8 (Lampiran Q)

Struktur Modal PEYATIM Bestari Sdn. Bhd. (PBSB)

Modal yang dibenar bagi PBSB ialah berjumlah RM 1,000,000.00 manakala modal berbayar ialah RM 300,000.00. Manakala Para pemegang saham PBSB adalah terdiri daripada PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (50%),Yajikan Holding Sdn. Bhd. (30%) dan Perkaya Holding Sdn. Bhd. (20%).[393]

PBSB diwakili oleh Ahli Lembaga Pengarahnya yang terdiri daripada Dato' Dr. Hj. Tg. Mahmud b. Mansor sebagai Pengerusi, Dato' Che Mat b. Jusoh b. Jusoh, Tuan Hj. Ahmad Sabri b. Hj. Mohd. Hassan, Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman, Tuan Hj. Salleh @ Hassan b. Ali dan Dato' Hj. Abdul Wahab b. Omar.[394]

Pengurusan

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola KTB yang dilantik dari masa ke semasa bertanggungjawab mengelolakan segala aktiviti pentadbiran dan pengurusan di KTB. Lembaga Pengelola KTB terdiri daripada Dato' Dr. Hj. Tg. Mahmud b. Mansor sebagai Pengerusi, Tuan Hj. Sulaiman b. Hassan sebagai Timbalan Pengerusi dan Tuan Hj. Shariff b. Mahat sebagai Ketua Eksekutif KTB. Lembaga Pengelola ini turut dibantu oleh lima orang AJK yang terdiri daripada Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman, Tuan Hj. Ahmad Sabri b. Hj. Mohd. Hassan,Tuan Hj. Salleh

---

[393] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[394] *Ibid*

@ Hassan b. Ali, Dato' Hj. Abdul Wahab b. Omar dan Dr. Mustapha @ Pa b. Ismail.[395]

Objektif Penubuhan KTB

Daripada bancian kasar, adalah dianggarkan sekurang-kurangnya terdapat lebih 350,000 anak-anak yatim dan miskin berbagai kaum di negara ini sekarang. Sebagai sebuah badan kebajikan PEYATIM mengambil inisiatif untuk menubuhkan KTB bagi memenuhi beberapa objektif.

Pertama, untuk menjadi saluran utama bagi anak-anak yatim dan miskin berbagai kaum melanjutkan pengajian tingginya.[396]

Kedua, golongan murid yang kurang bernasib baik ini kebanyakannya memperolehi keputusan peperiksaan yang sederhana. Sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang boleh memasukki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Manakala yang mempunyai kelayakan sederhana tidak berkesempatan langsung melanjutkan pelajaran mereka. Oleh itu dengan penubuhan KTB ini dapat menampung keperluan mereka yang mempunyai cukup syarat-syarat kemasukan tersebut.

Ketiga, langkah menubuhkan KTB ini akan menambahkan bilangan ahli-ahli profesional dan tenaga mahir di kalangan anak-anak yatim dan miskin di

---

[395] *Ibid*

[396] Buku Cadangan Pembangunan Kolej Teknologi Bestari Setiu (t.t), Terengganu : PEYATIM, h. 1

negara ini. Ini adalah satu strategi yang paling berkesan untuk melepaskan cengkaman putaran kemiskinan terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini.[397] Pihak pentadbiran Kolej mengambil tanaga pengajar sepenuh masa di samping tenaga sampingan. Bantuan tenaga pengajar daripada Universiti Kolej Terengganu (UPM) juga telah dipersetujui bagi mana-mana pengajian yang Kolej tidak perolehi dari semasa ke semasa.[398]

Program Pengajian yang ditawarkan di KTB ialah Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Diploma Sains Komputer, Diploma Pengurusan Perniagaan, Sijil Sains Komputer dan Sijil Pengurusan Perniagaan, Kursus Pengurusan perniagaan dan Kursus Teknologi Maklumat (IT). Selain itu, KTB akan mengembangkan lagi francaisnya dengan UUM, USM dan juga kerjasama dengan beberapa buah universiti di Indonesia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia terutamanya dalam bidang perubatan.[399]

Selain itu, KTB telah mengambil tindakan untuk merancang beberapa kursus peringkat diploma iaitu Diploma Pengurusan Kewangan dan Diploma Perbankan yang akan dikawal selia oleh UUM dan dibiayai oleh PTPTN[400] dan Pengusaha Hospital Swasta. Tempoh pengajiannya ialah empat semester (2 tahun). Program ini akan dibiayai oleh PTPTN. Pengambilan pelajar ialah pada semester 1, Jun 2002 berjumlah 40 orang.[401]

---

[397] *Ibid*, h.2

[398] *Ibid*

[399] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor b. Daud pada 3 April 2002

[400] PTPTN ialah akronim bagi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

[401] Risalah KTB (2002), t.t, Ampang : PEYATIM, h.2

KTB juga turut menawarkan Program Diploma Perniagaan Berkomputer dan Diploma Teknologi Maklumat yang akan dikawal selia oleh Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) selama 4 semester (2 tahun). Program ini dibiayai oleh PTPTN dan KTB. Pengambilan pelajarnya dimulakan pada Jun 2002 seramai 20 orang untuk satu-satu program KTB juga turut menawarkan Program Diploma Kejururawatan yang dikawal selia oleh USM/HUSM. Pengambilan pelajarnya seramai 20 orang bermula pada November 2002.[402]

Buat masa kini, KTB termasuk dalam senarai kolej-kolej usahasama UPM yang terbaik dalam pencapaian akademiknya. Usaha untuk mengekalkan kedudukan tempat yang baik di antara 40 buah kolej swasta bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, berbekalkan semangat dan komitmen yang padu daripada semua pihak dan ia boleh dipertingkatkan lagi pada masa akan datang. KTB juga telah berjaya memperolehi pengiktirafan daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi membolehkan KTB mengeluarkan sijilnya sendiri.[403]

Untuk perancangan jangka panjang PBSB bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti kerana KTB telah mendapat pengiktirafan LAN dengan menyediakan kursus yang bersesuaian dengan keperluan pasaran tenaga kerja pada masa hadapan. PBSB juga merancang untuk menubuhkan Pusat Latihan Vokasional bagi anak yatim yang lemah dengan tujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada mereka.[404]

---

[402] *Ibid*

[403] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001), *op. cit.*, h. 16

[404] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

d. Hartanah PEYATIM Sdn. Bhd. (HPSB)

HPSB merupakan anak syarikat milik penuh PHSB yang menjalankan perniagaan dalam bidang pembangunan hartanah. Penumpuan utama operasi syarikat ini ialah bagi projek pembangunan tanah milik PEYATIM di Rawang di samping sebagai PHSB untuk menceburi bidang hartanah secara serius.[405]

Struktur Hartanah PEYATIM Sdn. Bhd. (HPSB)

Modal dibenarkan bagi HPSB ialah sebanyak RM 100,000.00 manakala modal berbayar RM 30,000.00. Ahli Lembaga Pengarah HPSB terdiri daripada Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman, Tuan Hj. Sulaiman b. Hassan dan Tuan Hj. Lamang b. Donggoh. HPSB diuruskan sepenuhnya oleh PEYATIM Holding Sdn. Bhd.[406]

Operasi Syarikat

Perkembangan projek pembangunan tanah di Rawang masih di tahap perbincangan memandangkan cadangan awal iaitu untuk membangunkan Kampus Cawangan Kolej Teknologi Bestari (KTB) terpaksa dibatalkan kerana polisi Kementerian Pendidikan yang tidak membenarkan mana-mana kolej swasta mengadakan kampus cawangan. Justeru itu, pihak pengurusan syarikat telah membuka tawaran kepada syarikat-syarikat pembinaan bagi mengemukakan cadangan yang sesuai dan pada masa ini telah terdapat beberapa buah syarikat

---

[405] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001), *op. cit.*, h. 17

[406] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

yang menunjukkan minat. Antara cadangan pembangunan yang difikirkan sesuai ialah menubuhkan Pusat Latihan Kemahiran Vokasional bagi anak yatim di negara ini dan membina lot-lot bangunan kedai untuk disewakan kepada pihak yang berminat untuk menjalankan perniagaan komersial.[407]

Perancangan

Pihak pengurusan berhasrat untuk menjadikan HPSB sebagai sebuah syarikat pemaju yang akan menguruskan hartanah milik PEYATIM serta Ahli Gabungannya pada masa akan datang. Sebagai permulaan, adalah perlu bagi pihak pengurusan menjadikan objek pembangunan tanah di Rawang sebagai permulaan bagi pihak pengurusan mempelajari selok-belok bidang perniagaan hartanah daripada syarikat yang telah lama bertapak dalam bidang ini.[408]

e. Rantau Harmoni Sdn. Bhd. (RHSB)

Rantau Harmoni Sdn. Bhd. (RHSB) merupakan sebuah syarikat usahasama PHSB dengan YPJ Oil Palm Estate (YPJOPE) untuk membangunkan tanah perladangan seluas 800 ekar di Daerah Kluang, Johor. Syarikat ini merupakan ihsan Kerajaan Negeri Johor kepada PEYATIM dengan arahan Y.A.B. Dato' Hj. Abdul Ghani b. Othman selaku Menteri Besar Johor, iaitu dengan memberi saham percuma sebanyak 40% ekuiti daripada keuntungan melalui Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan YPJ melaksanakannya menerusi anak

---

[407] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor b. Daud pada 3 April 2002

[408] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001), *op. cit.*, h. 17

syarikatnya YPJ Oil Palm Estate. Syarikat ini ditubuhkan pada 24 September 1999.[409]

Struktur Rantau Harmoni Sdn. Bhd.

Modal yang dibenarkan bagi RHSB ialah sebanyak RM 1,000,000.00 manakala modal berbayar RM 300,000.00

Ahli Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah RHSB terdiri daripada Tuan Hj. Sulaiman b. Hassan, Tuan Hj. Ah,ad b. Sulaiman, Dato' Hj. Punijan b. Sutarjo, Encik Mat Mazlan b. Abu, Encik Fawzi b. Hj. Ahmad

Pengurusan

Bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar, pasukan pengurusan YPJOPE telah diberi kepercayaan untuk menguruskan projek ini berdasarkan pengalaman mereka dalam menguruskan sektor ini.[410]

---

[409] *Ibid*, h. 23

[410] *Ibid*

Operasi RHSB

Hasil kelapa sawit telah dapat dikutip pada tahun 2002 iaitu setahun lebih awal daripada jangkaan di peringkat awal pelaksanaan projek ini. Perkembangan yang positif ini adalah hasil daripada pelaksanaan strategi yang sistematik dan terancang oleh pihak pengurusan yang cekap dan berdedikasi.[411]

3.4.6 Perancangan Perniagaan PHSB

PHSB telah menggariskan beberapa perancangan perniagaan bagi syarikat dalam bidang-bidang perkhidmatan, pemasangan perabot dan Pembangunan Tanah PEYATIM di Rawang, Selangor.[412]

Dalam bidang perkhidmatan PHSB akan menganjurkan kursus/kem bina diri dan pembangunan manusia. PHSB telah mengenalpasti bidang ini sebagai satu peluang yang baik untuk diceburi oleh syarikat. Ini adalah berdasarkan faktor-faktor seperti permintaan perkhidmatan tersebut pada masa kini dan melihat kepada pengalaman serta kebolehan pihak syarikat dalam mengendalikan program-program sedemikian. Buat masa ini, pihak pengurusan meletakkan anak-anak yatim, penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi dan kakitangan PEYATIM termasuk Ahli Gabungan PEYATIM sendiri sebagai sasaran.[413]

---

[411] *Ibid*

[412] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[413] *Ibid*

Satu lagi bidang yang didapati berpotensi ialah pemasangan perabot (built-in furniture). PHSB sedang mendapatkan kontrak bagi projek tersebut. Untuk fasa pertama, sasaran PHSB ialah projek pemasangan perabot di sekolah-sekolah.[414]

Selain itu, rancangan untuk memajukan sebidang tanah di Rawang sedang dikaji oleh pengurusan syarikat di mana pihak syarikat bercadang untuk memajukan tanah tersebut dengan pembinaan rumah-rumah kos sederhana untuk dijual.[415]

Buat masa sekarang PEYATIM belum ada kemampuan untuk membangunkan tanah tersebut dan pihak pengurusan PEYATIM sedang mencari pemaju yang dapat menjalankan tugas tersebut untuknya.[416]

Perancangan Korporat PHSB

Bagi memastikan rancangan korporat PHSB dapat dilaksanakan mengikut perencanaan, pihak pengurusan sedang merangka pelbagai proses dan struktur dalam agenda utama pentadbiran syarikat yang bertujuan untuk meningkatkan kemajuan perniagaan dan akauntabaliti korporat bagi merealiasasikan nilai jangka panjang para pemegang saham PHSB iaitu keuntungan kepada pemegang saham di samping mengambil kira lain-lain pihak yang berkepentingan. Bagi

---

[414] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor b. Daud pada 3 April 2002

[415] *Ibid*

[416] *Ibid*

melaksanakannya, pihak pengurusan memutuskan suatu kod urus tadbir korporat yang sesuai perlu diadakan pada syarikat.[417]

Urus tadbir korporat merujuk kepada adunan undang-undang, peraturan dan amalan sukarela dalam syarikat yang boleh membawa syarikat menarik modal kewangan dan manusia, beroperasi secara efisyen dan dapat mengekalkan kewujudannya dengan menerbitkan nilai ekonomi jangka panjang kepada para pemegang saham di samping menghormati lain-lain pihak yang berkepentingan dan masyarakat keseluruhannya.[418]

Pengurusan PHSB telah menetapkan perancangan korporat bagi syarikat dalam memudahkan pemanduan pihak pengurusan serta kakitangan syarikat di dalam mencapai matlamat syarikat. Perancangan tersebut dipecahkan kepada tiga tempoh merangkumi perancangan jangka pendek (tempoh enam bulan dan 12 bulan) serta perancangan jangka panjang (tempoh lima tahun) adalah seperti perancangan jangka pendek untuk tempoh enam bulan iala dengan melakukan rombakan kecil di dalam pengurusan syarikat dan anak syarikat. Meneruskan projek / aktiviti operasi semasa yang tidak bermasalah dan memastikan kelancaran dan kecekapan operasi syarikat serta anak syarikat.[419]

Selain itu PHSB juga sedang berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada pihak-pihak korporat seperti Proton, Petronas, Telekom serta Tenaga

---

[417] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd. (2001), *op. cit.*, h. 19

[418] *Ibid*

[419] *Ibid*, h. 24

Nasional Berhad (TNB) melalui kempen program membeli sambil menderma yang diadakan oleh PNSB. Kempen ini telah diperkenalkan melalui sidang akhbar yang diadakan di Pejabat PEYATIM di Ampang pada 12 November 2001 yang lalu.[420]

Melalui kempen ini, adalah diharapkan agar perniagaan yang dijalankan akan lebih berdaya saing di pasaran dan mempunyai pasaran yang lebih luas serta terjamin. Kempen ini juga mensasarkan sokongan daripada pertubuhan bukan kerajaan seperti Pengasih[421], BAKTI[422] dan lain-lain lagi. PHSB berharap untuk mempunyai rangkaian jaringan pengedaran yang besar dan mampu untuk menjana keuntungan yang tinggi bagi dana PEYATIM.[423]

Manakala perancangan untuk tempoh 12 bulan (satu tahun) ialah dengan mengenalpasti peluang pelaburan / perniagaan yang berpotensi menghasilkan pulangan yang lumayan dan mengikut arus semasa,melakukan penilaian semula struktur hutang-hutang syarikat, melakukan penstrukturan penuh syarikat berdasarkan laporan kemajuan syarikat untuk tahun-tahun lepas, menyediakan belanjawan bagi syarikat dan anak syarikat.dan menyelaraskan operasi syarikat dengan anak syarikat.[424]

---

[420] *Ibid*

[421] Pengasih ialah nama asrama anak yatim yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat

[422] BAKTI ialah akronim bagi Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri

[423] Laporan Tahunan PEYATIM Holding Sdn. Bhd.(2001), *op. cit.*, h. 19

[424] *Ibid*

Perancangan jangka panjang pula adalah untuk tempoh lima tahun akan datang iaitu mengkaji semula polisi syarikat sama ada ia masih boleh diterima pakai atau perlu diubah bagi tujuan perkembangan syarikat dan mengkaji semula struktur modal syarikat serta pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh syarikat.[425]

Selain itu perancangan jangka panjang juga meliputi keupayaan membuat pengeluaran sendiri melalui pembinaan kilang-kilang kepunyaan sendiri yang mampu memberikan kelebihan daripada segi kos pengeluaran di mana diharapkan agar produk yang akan dikeluarkan nanti akan mempunyai harga yang lebih rendah berbanding pesaing tetapi mempunyai mutu yang setanding malahan lebih baik daripada mereka. Pada masa kini PHSB telah memulakan perancangan jangka panjangnya melalui pembinaan kilang rotinya yang terletak di Perak (PISB). Seterusnya PHSB akan membuka kilang pakaian seragam sekolah, kilang air mineral dan kilang sos sendiri.[426]

Secara keseluruhannya, PHSB berharap untuk mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mampu memberi pulangan yang baik kepada pihak pemegang amanah di mana ianya merupakan matlamat utama kepada penubuhan PHSB. Selain itu, PHSB juga berharap untuk menaja sendiri sebahagian daripada aktiviti PEYATIM yang dilihat dapat meberi kebaikan kepada anak-anak yatim. PHSB berusaha untuk menjadi sebuah syarikat yang berdaya saing dan disegani di dalam bidang industri.[427]

---

[425] *Ibid*

[426] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[427] *Ibid*

3.5 Masalah-masalah PEYATIM

Dalam menjalankan usaha untuk menguruskan kebajikan anak yatim yang memusatkan seluruh aktiviti asrama anak yatim yang terdapat di negeri-negeri seluruh Malaysia, PEYATIM berhadapan dengan beberapa masalah yang perlu diatasi segera. Masalah utamanya ialah masalah kewangan. Ini adalah kerana sepanjang aktiviti yang telah dianjurkan oleh PEYATIM, kesemuanya itu memerlukan peruntukan yang besar. Sebahagian besar peruntukan ini diperolehi daripada sumbangan pihak kerajaan mahupun swasta. Pihak PEYATIM terpaksa berusaha mendapatkan penaja bagi menjayakan aktiviti tersebut. Biasanya aktiviti tahunan PEYATIM mendapat sokongan Kerajaan Negeri daripada tempat di mana aktiviti itu akan diadakan.[428]

Selain masalah kewangan, PEYATIM turut berhadapan dengan masalah akhlak dan etika kerja para pekerjanya sama ada di peringat pengurusan ataupun sukarelawan. Ini dapat dilihat dengan ketara pada mereka yang pada awalnya ingin membantu mencari dana untuk PEYATIM. Biasanya pihak terlibat akan mendapatkan komoditi barangan produk jualan yang dihasilkan oleh PHSB melalui anak syarikatnya. Malangnya, hasil jualan komoditi tersebut tidak dipulangkan kepada pihak PHSB sebaliknya digunakan untuk kepentingan peribadi. Masalah akhlak dan etika kerja ini adalah berkait rapat dengan keimanan seseorang di mana tanpa iman yang kukuh seseorang itu akan mudah hilang panduan apabila diuji dengan wang ataupun kekayaan.[429]

---

[428] Wawancara dengan Tuan Hj. Mansor b. Daud pada 3 April 2002

[429] *Ibid*

Masalah lain yang menjadi cabaran kepada PEYATIM lagi ialah masalah persaingan harga daripada para pembekal. Ini ketara dalam penjualan air mineral di mana pihak pembekal menawarkan harga yang lebih rendah daripada yang ditawarkan kepada PEYATIM. Contohnya Majlis Sukan Negara mendapat tawaran harga yang lebih rendah berbanding dengan harga yang ditawarkan kepada PEYATIM. Ada orang mengecam air mineral PEYATIM pada harga borong 50 sen sebotol berbanding 45 sen yang dijual oleh pengedar lain. Apabila pembeli mula mempersoalkan tentang harga dan kualiti Tuan Haji Ahmad bin Sulaiman menyatakan kepada mereka bahawa yang lebih lima atau 10 sen itu adalah sumbangan tuan-tuan untuk anak yatim dengan memainkan sentimen "Kebajikan Anak Yatim Tanggungjawab Bersama". [430]

Pada tahun 2000, PEYATIM berhadapan dengan masalah fitnah dan sabotaj terhadap produk ait mineralnya di mana terdapat satu kenyataan yang mengatakan bahawa air mineral keluaran PEYATIM jenama BESTARI adalah air yang dicampur dengan 'Holy Water'. Keadaan ini telah menjejaskan aktiviti jualan air tersebut sehingga sampai ke tahap setiausaha Agung PEYATIM sendiri terpaksa menafikannya di kaca televisyen. Beliau mengatakan bahawa kenyataan itu mengandungi unsur fitnah kerana beliau sendiri mempunyai maklumat bagaimana air tersebut disediakan oleh pihak pengilang. Kini air mineral PEYATIM telah ditukar kepada nama air mineral PEYATIM.[431]

---

[430] Wawancara dengan Tuan Hj. Ahmad b. Sulaiman pada 3 April 2002

[431] *Ibid*

Selain itu, adakalanya PEYATIM terpaksa menanggung kerugian terhadap perniagaan dan pelaburan yang dijalankan. Sebagai contohnya PEYATIM membeli uniform sekolah dengan harga tunai daripada para pembekal. Apabila barangan tersebut sampai kepada pembeli mereka memulangkannya semula kepada PEYATIM dengan alasan barang tersebut tidak mempunyai kualiti yang baik.[432]

Untuk menghebahkan perkara yang berkaitan dengan PEYATIM, ia tidak memiliki saluran maklumat yang luas. Ini diakui sendiri oleh Tuan Haji Ahmad bin Sulaiman di dalam akhbar Utusan Malaysia 9 September 2002 di mana beliau melahirkan kebimbangan tentang saluran maklumat mengenai kegiatan perniagaan PEYATIM yang dirasakannya masih tidak sampai kepada masyarakat seluruhnya.[433]

Pada pendapat beliau, PEYATIM perlu mempelbagaikan lagi saluran maklumatnya bagi memastikan agar PEYATIM dapat diketahui oleh seluruh masyarakat Malaysia.[434]

Kesimpulan

Daripada kenyataan di atas, PHSB melalui anak syarikatnya bertujuan untuk mencari dana bagi memastikan program-program kebajikan untuk anak

---

[432] *Ibid*

[433] Utusan Malaysia 9 September 2002, h. 6 (Lampiran R)

[434] *Ibid*

yatim dan miskin dapat terus dijalankan walaupun dalam suasana kegawatan ekonomi. Ini penting bagi menjamin kesinambungan perjuangan PEYATIM dalam menjalankan pengurusan kebajikan anak yatim di Malaysia.

Segala usaha perlu digiatkan agar pembelaan terhadap anak yatim yang lemah ini tetap diteruskan walaupun dalam keadaan ekonomi yang lembap. Pengembelingan tenaga dari semua pihak akan mengukuhkan lagi peranan dan tanggungjawab PEYATIM dalam menguruskan kebajikan anak yatim.

Pihak pengurusan dan pentadbiran PEYATIM juga perlu menggiatkan usaha untuk menjalankan program pembentukan remaja yang tinggal di asrama Ahli Gabungan PEYATIM agar anak-anak yatim ini akan keluar kepada masyarakat dan dapat memberikan sumbangan yang besar bukan mendatangkan masalah kepada masyarakat dan negara. Ini penting kerana jika anak yatim yang merupakan salah satu kelompok dalam masyarakat itu terbiar, maka kesannya akan dirasai oleh seluruh masyarakat Malaysia. Contohnya jika mereka terlibat dengan gejala keruntuhan akhlak, ia akan turut mencemar peradaban sesuatu masyarakat tersebut. Justeru itu, semua pihak perlu turut serta memberikan sokongan dan bantuan terhadap pengurusan kebajikan anak yatim di Malaysia.